

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**FAKTOR MEDIA SOSIAL MEMAINKAN PERANAN PENTING
TERHADAP KEMENANGAN CALON PILIHAN RAYA: KAJIAN
KES DI DUN N.24 SEMENYIH, SELANGOR**



FAIZAL REZA BIN ABDUL RAHIM

**SARJANA SAINS POLITIK
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2024**

**FAKTOR MEDIA SOSIAL MEMAINKAN PERANAN PENTING
TERHADAP KEMENANGAN CALON PILIHAN RAYA: KAJIAN
KES DI DUN N.24 SEMENYIH, SELANGOR**



**Tesis dikemukakan kepada Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian
Antarabangsa, sebagai memenuhi syarat Sarjana Sains Politik
Universiti Utara Malaysia**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

FAIZAL REZA ABDUL RAHIM (825556)

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

SARJANA SASTERA (SAINS POLITIK)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**FAKTOR MEDIA SOSIAL MEMAINKAN PERANAN PENTING TERHADAP KEMENANGAN
CALON PILIHAN RAYA: KAJIAN KES DI DUN N.24 SEMENYIH, SELANGOR**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **7 NOVEMBER 2023**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **NOVEMBER 7, 2023***

Pengerusi Viva : **PROF. MADYA DR.**
(Chairman for Viva) **MOHAMAD FAISOL KELING**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar : **PROF. MADYA DR. ILHAM**
(External Examiner) **SENTOSA ANWAR (UNIKL)**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam : **ENCIK MUHAMMAD AFIFI**
(Internal Examiner) **ABDUL RAZAK**

Tandatangan
(Signature)

Tarikh : **7 NOVEMBER 2023**
Date


Nama Pelajar : FAIZAL REZA ABDUL RAHIM (825556)
(Name of Student)

Tajuk Tesis : FAKTOR MEDIA SOSIAL MEMAINKAN PERANAN PENTING
(Title of the Thesis) TERHADAP KEMENANGAN CALON PILIHAN RAYA: KAJIAN KES DI
DUN N.24 SEMENYIH, SELANGOR

Program Pengajian : SARJANA SASTERA (SAINS POLITIK)
(Programme of Study)

Penyelia Pertama : PROF. MADYA DR. KAMARUL AZMAN
(First Supervisor) KHAMIS

Tandatangan
(Signature)



Penyelia Kedua : DR. KAMARUL
(Second Supervisor) ZAMAN HAJI
YUSOFF

Tandatangan
(Signature)




UUM

Universiti Utara Malaysia

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk Ijazah Sarjana Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan kepada sesiapa saja untuk memeriksa tesis ini. Sayajuga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaan beliau, Dekan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, diberikan kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Dimaklumkan juga bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya bagi tujuan keuntungan kewangan tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis. Selain itu dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia atas kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesisini, sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:



Dekan (Ghazali Shafie Graduate School of Government)
College of Law, Government and International Studies
Universiti Malaysia Utara
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman, Malaysia

ABSTRAK

Analisis kempen PRU 14 menunjukkan bahawa Facebook berperanan sebagai sumber utama maklumat untuk masyarakat Malaysia. Sejauh mana media sosial telah memberi impak kepada proses politik Melayu di Selangor akan menjadi fokus utama kajian ini, mengeksplorasi bagaimana platform ini mempengaruhi pembuat keputusan pengundi dan dinamika politik tempatan. Untuk itu, kajian ini dibuat untuk melihat persepsi orang awam terhadap faktor media sosial mempengaruhi keputusan PRK DUN Semenyih pada 2 Mac 2019, khususnya untuk mengkaji tahap literasi politik di DUN Semenyih, meninjau keberkesanan penggunaan media sosial dalam parti politik dan mengenalpasti jenis kempen melalui media sosial yang dapat memberi pengaruh dalam Pilihan Raya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di mana data kajian diperolehi melalui temubual secara bersemuka ke atas 7 responden yang meliputi 6 Pengundi Biasa dan 1 Pengundi Pos dalam PRK DUN Semenyih. Kajian mendapati bahawa media sosial memainkan peranan yang amat penting kini untuk memberi kemenangan kepada calon yang bertanding dan media sosial seperti Facebook dan aplikasi whatsapp membawa dinamika baru kepada calon yang bertanding dalam pilihan raya. Dalam PRK DUN Semenyih ini, semua calon memuatkan aktiviti mereka, juga secara langsung untuk menyebarkan rakaman ucapan serta keratan kenyataan di Twitter dan aplikasi WhatsApp yang dimuatnaik dalam Facebook serta meraih banyak komen netizen. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa responden sangat mengambil berat tentang maklumat-maklumat yang terdapat di media sosial dan pemahaman mengenai garis panduan media sosial terutamanya literasi politik. Kajian ini mencadangkan agar kerajaan menggunakan sepenuhnya kuasa internet untuk menyampaikan agendanya kepada masyarakat di samping memastikan kempen dalam media sosial menepati tatasusila dalam memastikan perpaduan negara terus terpelihara.

Kata kunci: Media Sosial, Pilihanraya, Calon, Semenyih

ABSTRACT

The analysis of the 14th General Election campaign indicates that Facebook plays a crucial role as the primary source of information for the Malaysian public. To what extent social media has impacted the Malay political process in Selangor will be the main focus of this study, exploring how this platform influences voter decision-makers and local political dynamics. Therefore, this study is conducted to examine the public's perception of the role of social media factors in influencing the outcome of the Semenyih State Assembly by-election on March 2, 2019. Specifically, it aims to assess the level of political literacy in the Semenyih State Assembly, evaluate the effectiveness of social media use in political parties, and identify the types of social media campaigns that can influence elections. This study employs a qualitative method, where research data is obtained through face-to-face interviews with 7 respondents, including 6 Ordinary Voters and 1 Postal Voter in the Semenyih State Assembly by-election. The study found that social media plays a highly significant role in securing victory for competing candidates, and platforms like Facebook and WhatsApp bring new dynamics to election campaigns. In the Semenyih State Assembly by-election, all candidates posted their activities directly to disseminate recorded speeches and statements on Twitter and WhatsApp, uploaded to Facebook, garnering numerous comments from netizens. The study's results also indicate that respondents are highly concerned about the information available on social media and have an understanding of social media guidelines, particularly in terms of political literacy. This study suggests that the government fully utilize the power of the internet to convey its agenda to the public, while ensuring that social media campaigns adhere to ethical standards to safeguard national unity.

Keywords: Social Media, Election, Candidate, Semenyih

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, pertama sekali saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT di atas keizinan dan rezeki-Nya dapat saya menyiapkan kajian ini. Setinggi penghargaan kepada penyelia, Prof. Madya Dr. Kamarul Azman Khamis dan Dr. Kamarulzaman Yusoff yang banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar sepanjang sesi penyeliaan. Kesabaran dan kesudian beliau dalam berkongsi maklumat serta kepakarannya amat saya hargai. Tanpa panduan dan sokongan beliau, saya pasti tidak akan mampu untuk menyiapkan kajian ini.

Penghargaan dan kasih sayang saya dedikasikan kepada isteri dan anak-anak. Begitu juga dengan ahli-ahli keluarga lain yang dengan penuh sabar serta tanpa jemu memberimotivasi dan semangat sepanjang pengajian ini berlangsung. Pengorbanan kalian amatlah disanjung dan sentiasa diingati.

Sekalung penghargaan kepada semua yang menyokong, membantu, serta memberi kerjasama sepanjang tempoh kajian ini disiapkan. Semoga kajian ini memberi manfaat kepada ummah di masa kini dan di masa mendatang.

Sekian, terima kasih.

FAIZAL REZA BIN ABDUL RAHIM

ISI KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNA	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI LAMPIRAN	x
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB SATU : PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Evolusi Media Sosial	6
1.1.2 Kempen Media Sosial Dun Semenyih	16
1.2 Pernyataan Masalah	17
1.3 Objektif Kajian	19
1.4 Persoalan Kajian	20
1.5 Kepentingan Kajian	20
1.6 Pembahagian Bab	22
BAB DUA : KAJIAN LITERATUR	23
2.1 Pendahuluan	23
2.2 Konsep Media	23
2.3 Konsep Media Sosial	25
2.4 Media Dalam Pilihan Raya	26
2.5 Senario Politik Di Malaysia	30
2.6 Pilihan Raya Di Selangor	35
2.7 Senario Pilihan Raya: DUN N.24 Semenyih, Selangor	43
2.8 Literasi Politik	47
2.9 Media Sosial	50
2.10 Teori Kebergantungan Media	56
2.11 Kerangka Konsep	57

BAB LIMA : RUMUSAN DAN CADANGAN	86
5.1 Rumusan	86
5.2 Cadangan	93
RUJUKAN	99
LAMPIRAN	102



SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Jaringan Sosial Friendster	7
Rajah 1.2	Jaringan Sosial Linked in	9
Rajah 1.3	Jaringan Sosial My Space	10
Rajah 1.4	Laman Sosial Facebook	10
Rajah 1.5	Jaringan Sosial Twitter	13
Rajah 1.6	Laman Google	15
Rajah 1.7	Statistik Penggunaan Media Sosial (SKMM,2021)	19
Rajah 2.1	Kempen Media Sosial Barack Obama 2012	27
Rajah 2.2	Akaun Media Sosial Donald Trump	28
Rajah 2.3	Aplikasi Whatsapp	29
Rajah 2.4	Negeri-Negeri di Malaysia	31
Rajah 2.5	Keputusan PRU ke 14	39
Rajah 2.6	Barisan Nasional Menguasai Kerusi Parlimen Pada PRU-13	40
Rajah 2.7	Statistik Keputusan Parlimen 2013 (Bernama)	41
Rajah 2.8	Keputusan PRU-14 (RTM,2018)	42
Rajah 2.9	Peta Semenyih	43
Rajah 2.10	Fenomena Bossku Ketika di Semenyih	45
Rajah 2.11	Jumlah Pengundi PRK Dun Semenyih 2019 (Sinar Harian ,2019)	49
Rajah 2.12	Keputusan Pilihanraya Kecil N24 Dun Semenyih Selangor 2019	49
Rajah 2.13	Media Sosial Masa Kini	51
Rajah 2.14	Prestasi Kelajuan Internet Negara Asean (Asean Urbanist,2020)	54
Rajah 2.15	Faktor Media Sosial	57
Rajah 4.1	Keratan Akhbar	71
Rajah 4.2	Poster Maklumat Calon PRK N24 Semenyih	72
Rajah 4.3	Jumlah Pengguna Whatsapp	77
Rajah 4.4	Aplikasi Poupular	78
Rajah 4.5	Tangkap Layar Komunikasi Politik Semasa PRK Dun Semenyih	85
Rajah 5.1	Keratan Akhbar Peristiwa 13 Mei 1969	95
Rajah 5.2	Media Sosial dan Perpaduan	97

SENARAI JADUAL

Jadual 4. 1 Profil Responden

67



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Senarai Responden	102
Lampiran B	Borang Soal Selidik	105
Lampiran C	Gambar Kempen di Media Sosial semasa Pilihanraya	108



SENARAI SINGKATAN

SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
DUN	Dewan Undangan Negeri
DN	Dewan Negara
DR	Dewan Rakyat
BN	Barisan Nasional
PH	Pakatan Harapan
PRU14	Pilihan Raya Umum ke-14
PRN	Pilihan Raya Negeri
PRK	Pilihan Raya Kecil
UMNO	<i>United Malays National Pertubuhan</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
PBB	Parti Pesaka Bumiputera Bersatu
SUPP	<i>Sarawak United People's Party</i>
GERAKAN	Parti Gerakan Rakyat Malaysia
myPPP	Parti Progresif Rakyat
PPBM	Parti Pribumi Bersatu Malaysia
PKR	Parti KeAdilan Rakyat
DAP	Parti Tindakan Demokratik
Amanah	Parti Amanah Negara
GS	Gagasan Sejahtera
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia

BAB SATU

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih 2019 diadakan bagi mengisi kekosongan kerusi N24 Semenyih DUN Selangor pada 2 Mac 2019 diikuti dengan hari penamaan calon pada 16 Februari 2019. Kerusi DUN Semenyih kosong disebabkan ADUN kawasan tersebut iaitu Bakhtiar Mohd Nor telah meninggal dunia pada 11 Januari 2019. Bakhtiar merupakan ADUN daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), salah sebuah parti-parti dalam Pakatan Harapan. Beliau memenangi dengan jumlah majoriti sebanyak 8,964 undi dengan menewaskan empat calon lain ketika PRU-14, 2018.

Pengerusi SPR, Azhar Azizan Harun membenarkan tempoh berkempen selama 14 hari bermula selepas penamaan calon sehingga jam 11.59 malam sebelum hari pengundian. Tarikh membuang undi yang telah ditetapkan adalah pada 2 Mac 2019 dan pengundian awal akan diadakan pada 26 Februari 2019.

Sat dan Yamah (2005) mendefinisikan demokrasi sebagai “kerajaan perwakilan dengan sistem pilihan raya yang kompetitif”. Menurut Munck (2016), perkataan demokrasi bermaksud pemerintahan oleh rakyat. Demokrasi merupakan sistem di

mana rakyat boleh menukar pemerintah mereka secara aman dan kerajaan diberi hak untuk memerintah kerana kata rakyat boleh (Munck, 2016).

PRU ialah pilihan raya pengundian politik di mana secara amnya semua atau kebanyakan ahli politik dipilih mewakili kawasan mereka (Bjornlund & Bjornlund, 2004). Menurut Hussein (2004) pilihan raya ialah proses demokrasi di mana rakyat dikehendaki untuk memilih wakil mereka sebagai pembuat dasar dan memberi keputusan di peringkat Dewan Rakyat (DR) atau Dewan Undangan Negeri (DUN).

Peruntukan bagi PRU di Malaysia terletak pada Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan. Dalam kebanyakan sistem, PRU ialah pilihan raya yang dijadualkan secara tetap di mana ketua kerajaan dan semua ahli badan perundangan dipilih pada masa yang sama. Kadangkala, tarikh untuk PRU mungkin sejajar dengan tarikh pilihanraya dalam bahagian pentadbiran yang berbeza seperti PRN (Rachagan, 1993).

Menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (2020), PRU akan berlangsung setelah Yang diPertuan Agong dinasihatkan oleh Perdana Menteri untuk membubarkan DR. DUN pula, akan dibubarkan oleh Sultan atau Raja atau Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri setelah dinasihatkan oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri.

Komunikasi Maklumat atau lebih dikenali dengan nama ICT. Malaysia padalewat tahun 1990-an telah memikirkan tentang pentingnya kemajuanteknologi perkomputeran untuk pembangunan rakyat dan negara. Initerbukti apabila kerajaan telah berjaya melahirkan ramai bilangan rakyat yang celik information technology

atau IT di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti. Revolusi IT malahan berterusan hingga kini dengan prasarana yang cukup kondusif untuk masyarakat melayari internet dan boleh berurusan di mana jua mereka berada. Akibatnya, media ketiga telah menjadi satu peralatan media yang terpenting selain dari akhbar dan majalah dalam menjana informasi secara global. Dengan kepesatan IT kini, kemampuan masyarakat memperolehi maklumat telah bertambah. Di samping membaca akhbar, masyarakat juga boleh menambah informasi mereka melalui pembacaan berita dan sesekali bersama-sama pembaca lain membuat perbincangan didalam laman-laman blog.

Kini, blog semakin popular di Malaysia apabila blogger-blogger aktif mengutarakan pandangan mereka tentang isu-isu semasa. Ketika kempen pilihanraya umum ke-12 baru-baru ini, banyak isu-isu politik dijadikan bahan perbincangan bersama dan rakyat biasa boleh mengutarakan pandangan seperti apa yang boleh dikatakan sebagai perbualan di kedai kopi.

Namun begitu isu perpaduan kaum adalah perkara penting yang perlu dipelihara. Laman blog dijadikan sebagai tempat pembujukan dan mendapat respon dengan cukup pantas apabila isu-isu politik diutarakan. Keadaan menjadi gawat apabila isu-isu perkauman, perlembagaan dan agama dijadikan topik perbincangan yang boleh menjejaskan perpaduan kaum di negara ini.

Media baru ialah media interaktif atau multimedia yang tidak menghadapi apa juga sekatan kerana transmisi yang dibuat melepasi jarak dan waktu. Media baru juga boleh digelar sebagai media ketiga di mana penglibatan komunikasi pengguna yang

lebih aktif daripada media lama seperti radio dan televisyen. Blog adalah media ke tiga atau media baru yang menggunakan teknologi peringkat tinggi yang disebut sebagai Teknologi Komunikasi Maklumat. Kandungan dan percetakan kandungan media adalah dalam bentuk elektronik di dalam internet. Dengan kemudahan rangkaian World Wide Web, penggunaan internet semakin luas di mana pengguna komputer dapat membuat pelbagai urusan seperti menghantar e-mel, video digital, membina laman web dan blog. Dari sudut sejarah, internet bermula dalam tahun 1960-an oleh tentera Amerika semasa krisis peperangan. Di Malaysia, penyediaan infrastruktur internet berkait rapat dengan dasar kerajaan yang didorong oleh Wawasan 2020, Agenda IT Negara (NITA), projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan undang-undang siber. Kegunaan internet berbeza pada konteks kumpulan, contohnya golongan muda lebih banyak menggunakan internet daripada golongan dewasa.

Dalam konteks politik, internet dan blog menjadi alat yang berguna dalam membuat propaganda kerajaan kerana ianya memiliki kelebihan untuk menembusi khalayak tanpa halangan. Media baru ini yang mampu menyalurkan maklumat tanpa had mendorong masyarakat membuat pelbagai persepsi terhadap keputusan kerajaan dengan pantas. Kebanjiran pelbagai blog juga menjadi daya penarik kepada pembaca walaupun masyarakat telah dihidangkan dengan pelbagai sumber media seperti televisyen, majalah, akhbar dan akhbar 'nyamuk'. Kajian yang dibuat oleh laman blog Dr Mahathir Mohamad iaitu jumlah pencapaian kechedet.com ketika ianya mula dilancarkan dengan menggunakan server percuma di blogspot.com pada 1 Mei 2007 telah mendapat jumlah kunjungan melebihi satu juta pada 31 Mei 2008 dan mencapai dua juta pengunjung pada 17 Jun 2008.

Platform media sosial semakin digunakan untuk berita dan maklumat politik oleh orang dewasa Amerika, terutamanya apabila tiba masa pilihan raya. Kajian oleh Pew Research yang dijalankan pada November 2019, mendapati bahawa satu daripada lima orang dewasa AS mendapat berita politik mereka terutamanya melalui media sosial. 18% orang dewasa menggunakan media sosial untuk mendapatkan berita politik dan pilihan raya mereka. Dalam penyelidikan kecil yang dijalankan oleh McKeever et al. pada 2022, mereka mendapati bahawa 269 daripada 510 peserta Amerika Syarikat telah menyatakan bahawa mereka mendapat kebanyakan maklumat mereka tentang keganasan senjata api daripada sumber media sosial.

Menurut Laporan Berita Digital Institut Reuters pada tahun 2013, peratusan penggunaberita dalam talian yang mengeblog tentang isu berita adalah antara 1–5%. Peratusan yang lebih besar menggunakan media sosial untuk mengulas berita, dengan penyertaan antara 8% di Jerman hingga 38% di Brazil. Akan tetapi, pengguna berita dalam talian berkemungkinan besar hanya bercakap tentang berita dalam talian dengan rakan di luar talian atau menggunakan media sosial untuk berkongsi cerita tanpa membuat kandungan.

Penyebaran maklumat yang pantas di media sosial, disebarkan dari mulut ke mulut, boleh memberi kesan kepada persepsi tokoh politik dengan cepat dengan maklumat yang mungkin benar atau tidak. Apabila maklumat politik disebarkan dengan cara inidengan sengaja, penyebaran maklumat di media sosial untuk tujuan politik boleh memanfaatkan kempen. Sebaliknya, penyebaran maklumat negatif dari mulut ke mulut mengenai tokoh politik boleh merosakkan. Sebagai contoh, penggunaan platform media sosial Twitter oleh anggota kongres Amerika Syarikat Anthony

Weiner untuk menghantar mesej yang tidak sesuai memainkan peranan dalam peletakan jawatannya.

1.1.1 Evolusi Media Sosial

Media sosial sebenarnya mula wujud pada tahun 1978 iaitu dari penemuan sistem papan buletin di mana kita boleh memuat turun maklumat, dapat berkomunikasi dengan menggunakan surat elektronik yang sambungan internetnya masih menggunakan saluran telefon dengan modem. Sistem papan buletin ini ditemukan oleh Ward Christensen dan Randy Suess di mana kedua-duanya sama-sama meminati dunia komputer. Perkembangan media sosial pertama kalinya dilakukan melalui pengiriman surat elektronik pertama oleh peneliti ARPA (Advanced Research Project Agency) pada tahun 1971.

Pada tahun 1995, laman web GeoCities telah diwujudkan di mana laman web ini melayani Web Hosting iaitu layanan penyewaan penyimpanan data-data website agar halaman website tersebut dapat di akses dari mana-mana tempat dan pada bila-bila masa sahaja. Kemunculan laman web GeoCities ini telah menjadi tonggak kewujudan kepada website-website yang lain.

Sejarah laman jaringan sosial bermula dengan SixDegree.com yang dikreditkan sebagai laman sosial pertama dan diasaskan pada tahun 1997 dengan ciri-ciri seperti profil, sahabat, dan mesej. Pada tahun 1999, satu lagi laman untuk membuat blog peribadi iaitu Blogger. Laman web ini telah menawarkan penggunaanya supaya dapat membuat halaman blognya sendiri dengan memasukkan data dan memuat turun apa-apa pun isu termasuk hal peribadi ataupun untuk mengkritik seseorang termasuk

pemimpin sehingga laman ini dikatakan blogger yang telah menjadi tonggak berkembangnya sesebuah media sosial.



Rajah 1. 1 Jaringan Sosial Friendster

Jaringan sosial yang turut terkenal dan menjadi kegilaan pengguna pada tahun 2002 adalah media sosial Friendster. Friendster ialah sebuah laman web rangkaian sosial milik swasta. Ibu pejabatnya terletak di Sydney, Australia. Perkhidmatannya membolehkan penggunaanya berhubung sesama sendiri, dan berkongsi kandungan dan media dengan rakan hubungan masing-masing. Tapak web ini juga digunakan untuk bercinta dan mengetahui acara, pemuzik, dan hobi baru. Para pengguna boleh berkongsi video, foto, mesej dan komen dengan satu sama yang lain melalui profil dan rangkaian mereka. Friendster digunakan oleh lebih 115 juta pengguna berdaftar dan lebih 61 juta pengunjung unik sebulan di seluruh dunia.

Laman-laman webnya pula dilihat kira-kira 19 bilion kali sebulan, maka dimasukkannya dalam 100 tapak web global teratas berdasarkan trafik sesawang. Lebih 90% trafik Friendster datang dari benua Asia, di mana Friendster menikmati bilangan pengunjung unik paling ramai di kalangan semua rangkaian sosial. Sepuluh negara yang paling ramai penduduknya yang mengakses Friendster mengikut

Alexa tepat pada 7 Mei 2009 ialah Filipina, Indonesia, Malaysia, Korea Selatan, Amerika Syarikat, Singapura, China, Jepun, Arab Saudi dan India. Friendster diasaskan oleh seorang pengaturcara komputer bernama Jonathan Abrams di Mountain View, California pada tahun 2002, sebelum munculnya MySpace, Facebook, LinkedIn dan lain-lain.

Friendster diasaskan untuk menyediakan suasana yang lebih selamat dan berkesan untuk bergaul dengan rakan-rakan baru, dengan melayari profil pengguna dan berhubung sesama rakan-rakan dan sebagainya, membolehkan ahli-ahlinya meluaskan rangkaian rakan-rakan dengan lebih cepat di alam maya berbanding secara bersemukadi alam sebenar.

Friendster.com dilancarkan pada Mac 2003 lalu digunakan oleh tiga juta pengguna dalam masa tiga bulan pertamanya. Kejayaan Friendster turut dibincangkan oleh bahan-bahan penerbitan seperti Time, Esquire, Vanity Fair, Entertainment Weekly, US Weekly dan Spin, manakala pengasasnya turut terpapar pada kulit majalah dan muncul dalam rancangan bual bicara larut malam. Walau bagaimanapun, pada pertengahan tahun 2005, Friendster kehilangan taringnya di Amerika Syarikat berikutan bangkitnya MySpace dan Facebook. Namun begitu, pada masa yang sama, Friendster semakin popular di kalangan remaja di Singapura, Filipina, Indonesia dan Malaysia. Friendster disertai oleh lebih 115 juta pengguna berdaftar dan masih meningkat jumlahnya, terutamanya di Asia. Pada Ogos 2008, Friendster mengambil khidmat Richard Kimber, seorang bekas eksekutif Google, sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya. Kimber yang pernah menyandang jawatan pengarah pengurusan serantau Asia Selatan di Google, kini menumpukan perhatiannya

pada pelarisan Friendster di Asia. Pada 9 Disember 2009, dilaporkan bahawa Friendster telah dibeli oleh MOL, sebuah syarikat Malaysia.



Rajah 1. 2 Jaringan Sosial Linked in

Selain Friendster, muncul pula laman jaringan sosial yang lain terutamanya laman jaringan perniagaan seperti LinkedIn.com iaitu pada awal tahun 2002 akibat penutupan banyak dot.com. LinkedIn adalah media sosial yang sangat cepat perkembangannya dimana laman web ini adalah berorientasikan perniagaan dan banyak digunakan oleh jaringan professional seperti usahawan terkemuka. Media sosial ini awalnya didirikan oleh Reid Hoffman pada tahun 2002 dan secara rasminya dilancarkan pada 5 Mei 2003. Pada tahun 2006, LinkedIn sudah dikenali oleh 20 juta orang dan sehingga Jun 2013, LinkedIn telah melaporkan situs mereka telah memiliki akaun pengguna lebih dari 259.000.000 yang tersebar di 200 negara. Pada laman LinkedIn ini telah tersedia dalam 20 bahasa termasuk bahasa Inggeris, Perancis, Jerman, Italia, Portugis, Sepanyol, Belanda, Sweden, Denmark, Romania, Rusia, Turki, Poland, Korea, Indonesia, Melayu, dan Tagalog. Jeff Weiner adalah CEO LinkedIn dan bekerjasama dengan pasukan pengurusan perusahaan yang terdiri daripada eksekutif berpengalaman dari perusahaan seperti Yahoo!, Google, Microsoft, TiVo, PayPal, dan Electronic Arts. Lokasi perusahaan ini adalah di

Mountain View, California.



Rajah 1. 3 Jaringan Sosial My Space

MySpace pula merupakan sebuah laman web rangkaian sosial dan mula didirikan pada Tahun 2003. Ibu pejabatnya terletak di Beverly Hill, California, Amerika Syarikat di mana mereka berkongsi bangunan pejabat dengan pemilik langsungnya Fox Interactive Media manakala pemilik Fox Interactive dan juga MySpace, News Corporation, ibu pejabatnya terletak di New York.



Rajah 1. 4 Laman Sosial Facebook

Laman sosial yang seterusnya diwujudkan adalah Facebook. Facebook ialah sebuah tapak web rangkaian sosial yang dikendali dan dimiliki secara persendirian oleh Facebook, Inc.

Nama Facebook berasal daripada timangan yang digunakan untuk buku-buku yang diserahkan oleh pihak pentadbiran universiti kepada para penuntut pada permulaan tahun akademik di AS dengan tujuan membantu penuntut saling mengenali. Facebook diasaskan oleh Mark Zuckerberg bersama teman-teman sebiliknya dan rakan-rakan sekursus sains komputer iaitu Eduardo Saverin, Dustin Moskovitz dan Chris Hughes. Pada mulanya, keahlian tapak web ini terhad kepada penuntut Harvard tetapi kemudiannya beransur-ansur diperluaskan kepada kolej-kolej lain di kawasan Boston, Liga Ivy dan Universiti Stanford.

Facebook diperbadankan pada pertengahan tahun 2004 dan usahawan Sean Parker yang selama ini menjadi penasihat tak rasmi Zuckerberg menjadi presiden syarikatnya. Pada Jun 2004, Facebook telah memindahkan tapak operasinya ke Palo Alto, California.

Facebook turut melancarkan versi sekolah tinggi pada September 2005 sebagaimana yang diperkatakan oleh Zuckerberg sebagai langkah logik seterusnya. Ketika itu, rangkaian sekolah tinggi memerlukan jemputan untuk menyertainya. Oleh sebab itulah, maka Facebook kemudiannya meluaskan kelayakan keahliannya kepada para kakitangan beberapa syarikat termasuk Apple Inc. dan Microsoft. Akhirnya pada 26 September 2006, Facebook dibuka kepada semua yang berumur 13 tahun ke atas dengan alamat e-mel yang sah. Facebook lebih menyasarkan golongan belia

berbanding dewasa. Pengguna boleh menambah rakan dan saling menghantar mesej, serta mengemaskini profil peribadi mereka sebagai makluman kepada rakan-rakan.

Selain itu, pengguna juga boleh menyertai rangkaian yang dianjurkan oleh tempat kerja, sekolah atau kolej. Setakat tahun 2010, tapak web ini telah dianggotai oleh lebih 400 juta pengguna aktif di seluruh dunia dan merupakan laman web yang mempunyaipaling banyak pengguna aktif hingga tahun 2015. Melalui Facebook, pengguna boleh mencipta profil dengan gambar, senarai kegemaran peribadi, maklumat hubungan danlain-lain.

Perhubungan dengan rakan-rakan dan pengguna lain boleh dilakukan melalui mesej peribadi atau awam atau ciri sembang. Pengguna juga boleh mencipta dan menyertai kumpulan minat dan "laman suka" (dahulunya "laman peminat" sehingga 19 April 2010), sesetengahnya dijadikan alat pengiklanan oleh pertubuhan luar. Laman web ini adalah percuma kepada semua pengguna dan menjana pendapatan dari pengiklanan, seperti iklan sepanduk. Pemaparan data profil terperinci adalah terhad kepada para pengguna sama rangkaian dan mengikut "batasan komuniti yang berpatutan" melainkan ditetapkan sebaliknya. Facebook masih lagi menjadi media sosial yang agak popular sampailah saat ini.



Rajah 1. 5 Jaringan Sosial Twitter

Twitter adalah perkhidmatan rangkaian sosial dan mikroblog talian yang membolehkan penggunaanya untuk menghantar dan membaca mesej berasaskan teks hingga 140 watak yang dikenali dengan sebutan kicauan (tweet).


Twitter ditubuhkan pada bulan Mac 2006 oleh Jack Dorsey, dan laman jejaring sosial dilancarkan pada bulan Julai. Sejak dilancarkan, Twitter telah menjadi salah satu daripada tapak yang paling kerap dilawati di internet dan digelar dengan "pesanan singkat dari Internet." Di Twitter, pengguna tak berdaftar hanya boleh membaca kicauan, sedangkan pengguna berdaftar boleh menulis kicauan melalui antara muka laman web, mesej ringkas (SMS) atau melalui pelbagai aplikasi untuk peranti mudah alih. Twitter mengalami pertumbuhan yang pesat dan dengan cepat meraih populariti di seluruh dunia. Hingga bulan Januari 2013, terdapat lebih daripada 500 juta pengguna berdaftar di Twitter, 200 juta di antaranya adalah pengguna aktif.

Lonjakan penggunaan Twitter umumnya berlangsung saat terjadinya peristiwa-peristiwa popular. Pada awal tahun 2013, pengguna Twitter menghantar lebih dari 340 juta kicauan per hari, dan Twitter menangani lebih dari 1.6 bilion permintaan carian setiap hari. Hal ini menyebabkan kedudukan Twitter naik ke peringkat kedua seagailaman jejaring sosial yang paling kerap dilawati di dunia dari yang sebelum ini menduduki kedudukan dua puluh dua.

Tingginya populariti Twitter menyebabkan perkhidmatan ini telah dimanfaatkan untuk berbagai keperluan dalam pelbagai aspek, misalnya sebagai cara protes, kempen politik, cara pembelajaran dan sebagai media komunikasi kecemasan. Twitter juga dihadapkan pada berbagai masalah dan kontroversi seperti masalah keselamatan dan privasi pengguna, tuntutan undang-undang dan penapisan.

Lonjakan penggunaan Twitter umumnya berlaku semasa berlangsungnya peristiwa-peristiwa popular. Sebagai contoh, rekod Twitter tercatat pada penyelenggaraan Piala Dunia FIFA 2010, saat peminat menulis 2.940 kicauan per saat selepas Jepun menjaringkan gol ke gawang Cameroon pada tarikh 14 Jun 2010. Rekod ini dipecahkan apabila 3.085 kicauan diposkan per saat oleh pengguna yang merayakan kemenangan Los Angeles Lakers dalam Final NBA 2010 pada tarikh 17 Jun 2010 dan dipecahkan lagi apabila Jepun mengalahkan Denmark dalam Piala Dunia 2010 dengan 3,283 kicauan per saat. Rekod tersebut kemudian diselesaikan apabila pengguna Twitter melakukan posting 7.196 kicauan per saat ketika menyaksikan Final Piala dunia Wanita FIFA 2011 antara Jepun dan Amerika Syarikat. Twitter dimiliki dan dikendalikan oleh Twitter, Inc., yang berpangkalan di San Francisco dengan pejabat dan pelayan tambahan terdapat di New York City, Boston, dan San

Antonio. Hingga Mei 2015, Twitter telah mempunyai lebih daripada 500 juta pengguna, 302 juta di antaranya adalah pengguna aktif.



Rajah 1. 6 Laman Google

Google merupakan sebuah syarikat awam Amerika Syarikat, yang mendapat untung dari iklan yang berkaitan dengan enjin gelintar Internet, e-mel, pemetaan dalam talian, produktiviti pejabat, rangkaian sosial dan perkhidmatan berkongsi video.

Google pada awalnya ditubuhkan sebagai syarikat sendirian berhad pada 7 September 1998. Syarikat yang bertapak di Mountain View, California ini mempunyai 19,786 orang pekerja sepenuh masa setakat 31 Mac 2009. Eric Schmidt, bekas ketua pegawai eksekutif (CEO) Novell, merupakan CEO Google sekarang, semenjak penubuh syarikat ini Larry Page meletak jawatan. Nama "Google" berasal dari kesilapan mengeja "googol," yang merujuk kepada 10¹⁰⁰ (angka 1 diikuti seratus angka sifar). Kata kerja "google" dalam Bahasa Inggeris dibubuh dalam Merriam Webster Collegiate Dictionary dan Oxford English Dictionary yang bermaksud "menggunakan enjin gelintar Google untuk memperoleh maklumat dari Internet."

Google bermula sebagai satu projek penyelidikan pada Januari 1996 oleh Larry Page dan Sergey Brin, dua pelajar Ph.D. di Universiti Stanford, California. Misi Google adalah "untuk menetapkan maklumat dunia dan membuatnya boleh dicapai dan berguna secara universal". Slogan tidak rasmi syarikat ini yang telah diciptakan oleh mantan pekerja dan jurutera pertama Gmail Paulus Buchheit adalah "Jangan jahat". Kritik terhadap Google adalah termasuk kebimbangan tentang privasi maklumat peribadi, hak cipta, dan sensor. Anak syarikat Google di Malaysia mula beroperasi di Kuala Lumpur pada Januari 2011 di Menara City Bank, Kuala Lumpur, lalu berpindah ke KL Sentral pada Ogos 2013.

Natijahnya, kemunculan media sosial seperti Facebook, Friendster, Twitter dan sebagainya menyebabkan timbulnya usaha untuk membangunkan jaringan sosial tempatan yang sesuai dengan kandungan dan pengguna di Malaysia.

Hasilnya, muncul lebih banyak lagi media sosial tempatan yang kebanyakannya menawarkan fungsi yang sama dengan jaringan sosial global iaitu sebagai tempat untuk bertemu sahabat baharu, mengekalkan persahabatan, menyatukan orang ramai di mana-mana sahaja selain berkongsi maklumat dan idea untuk tujuan peribadi mahupun jaringan perniagaan.

1.1.2 Kempen Media Sosial Dun Semenyih

Perjalanan tempoh berkempen bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih selama 13 hari setakat pagi ini disifatkan berlangsung dalamsuasana lebih baik berbanding PRK sebelumnya.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Azhar Azizan Harun berkata, ini dapat dilihat apabila tiada laporan di dibuat berhubung dakwaan rasuah berbanding 13 laporan diterima Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di PRK Parlimen Cameron Highlands Januari lalu. Aduan diterima SPR termasuk di media sosial dan laporan media juga berkurangan berbanding di PRK sebelumnya.

1.2 Pernyataan Masalah

Kajian mengenai politik Melayu, dengan penumpuan terutamanya kepada lintasan politik di Selangor dari tahun 1955 hingga 1984, menekankan keperluan untuk menyeberangi kesenjangan pengetahuan yang sedia ada dalam arena akademik. Ketiadaan penyelidikan yang terperinci sepanjang tempoh ini memberikan peluang untuk menyelami lebih mendalam aspek-aspek politik yang mungkin telah terlewat perhatian.

Keputusan untuk memilih Selangor sebagai subjek kajian politik Melayu adalah tepat, mengingat keadaan politik yang unik dan penting dalam sejarah Malaysia. Sumber yang terhad dan akses yang ketat memberikan cabaran kepada penyelidik tetapi juga meningkatkan kepentingan kajian ini dalam menyediakan wawasan baru.

Walaupun parti politik Melayu, terutamanya UMNO, memainkan peranan penting dalam pemerintahan Selangor, kajian ini memberikan penekanan kepada pertumbuhan parti politik lain seperti PAS dan Parti Barisan Sosialis, yang terlibat dalam persaingan sengit selepas kemerdekaan. Kepercayaan dan sokongan penduduk Melayu terhadap pelbagai parti politik di Selangor tidak hanya mempengaruhi landskap politik, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan

politik, ekonomi, dan sosial negeri tersebut.

Aspek menarik dalam kajian ini adalah peranan penting media sosial, terutamanya Facebook, dalam menentukan kejayaan pilihan raya. Analisis kempen Pilihan Raya Umum ke-14 menunjukkan bahawa Facebook berperanan sebagai sumber utama maklumat untuk masyarakat Malaysia. Pelaporan cepat melalui media sosial merakam peristiwa penting seperti calon lupa kad pengenalan atau dihalang dari pusat pencalonan. Ini mencerminkan perubahan dalam dinamika politik dan pengaruh media sosial dalam membentuk persepsi masyarakat terhadap calon dan proses pilihan raya.

Sejauh mana media sosial telah memberi impak kepada proses politik Melayu di Selangor akan menjadi fokus utama kajian ini, mengeksplorasi bagaimana platform ini mempengaruhi pembuat keputusan pengundi dan dinamika politik tempatan. Penyelidikan ini berpotensi memberikan wawasan berharga mengenai evolusi politik Melayu di Selangor dan membentuk landasan untuk memahami perubahan dan cabaran masa depan dalam arena politik.



Rajah 1. 7 Statistik Penggunaan Media Sosial (SKMM,2021)

1.3 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, objektif secara umum adalah untuk melihat persepsi orang awam terhadap faktor media social mempengaruhi kemenangan PRK DUN Semenyih dan secara khususnya adalah seperti berikut;

- 1) Mengkaji tahap literasi politik di DUN Semenyih.
- 2) Meninjau keberkesanan penggunaan media sosial dalam parti politik.
- 3) Mengenalpasti jenis kempen melalui media sosial ini dapat memberi pengaruh dalam Pilihan Raya.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian boleh dilihat seperti berikut;

- 1) Sejauh manakah tahap literasi politik di DUN Semenyih?
- 2) Apakah jenis media sosial yang memberi keberkesanan bagi partipolitik dalam pilihan raya?
- 3) Apakah jenis kempen melalui media sosial yang dapat memberipengaruh kepada pilihan raya?

1.5 Kepentingan Kajian

Ketaraan kajian yang menumpukan kepada peranan media sosial dalam kejayaan calon pilihan raya di DUN N.24 Semenyih, Selangor, terletak pada sumbangan yang pelbagai terhadap proses pilihan raya, komunikasi politik, dan penglibatan demokratik. Satu aspek penting melibatkan penerokaan rumit komunikasi politik dan strategi kempen. Dengan memahami bagaimana media sosial mempengaruhi kejayaan calon, penyelidikan ini menerangi landskap yang berubah dalam komunikasi politik. Ini termasuk analisis strategi khusus yang digunakan di platform media sosial, mendedahkan kaedah yang berkesan bagi calon untuk berhubung dengan pengundi, menyebarkan maklumat, dan membentuk pendapat awam semasa kempen pilihan raya.

Dimensi penting lain dalam kajian ini adalah sumbangan terhadap pemahaman terhadap penglibatan pengundi dan penyertaan melalui platform media sosial. Penyelidikan ini meneroka bagaimana platform ini secara aktif melibatkan pengundi dan merangsang penyertaan politik. Melalui pemeriksaan impak media sosial terhadap pusingan pengundi dan penglibatan, corak muncul yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan proses demokratik dan keterlibatan awam.

Selanjutnya, kajian ini membahas perbincangan yang lebih meluas mengenai pengaruh media terhadap keputusan pilihan raya, dengan fokus khusus pada peranan media sosial. Dengan menyiasat bagaimana platform media sosial mempengaruhi proses membuat keputusan pengundi, penyelidikan ini menyediakan bukti yang berpotensi membentuk landskap politik di kawasan pemilihan yang dikaji. Wawasan ini memberi sumbangan yang ketara kepada perbincangan berterusan mengenai pengaruh evolusi media dalam menentukan keputusan pilihan raya.

Di samping implikasi praktikal ini, kajian turut merambah kepada ranah kempen politik dalam era digital. Dengan meningkatnya kepentingan platform digital dalam proses politik, penyelidikan ini memberikan pandangan ke dalam bagaimana calon menavigasi cabaran dan peluang yang dibentangkan oleh media sosial. Ini merangkumi pemeriksaan keberkesanan pelbagai strategi kempen digital, jangkauan mesej, dan kesan keseluruhan terhadap kejayaan calon dalam era digital kontemporari.

Tambahan pula, penemuan kajian ini boleh melibatkan implikasi dasar dan reformasi pilihan raya. Jika media sosial dianggap memainkan peranan yang penting dalam kejayaan pilihan raya, pembuat dasar mungkin mengkaji penyesuaian peraturan atau pengenalan langkah-langkah untuk memastikan kempen digital yang adil dan telus, mencegah maklumat palsu, dan melindungi integriti proses pilihan raya. Akhir sekali, kajian ini memberikan sumbangan akademik kepada sains politik dengan menyediakan bukti empirikal di persimpangan media sosial dan politik, memperkaya literatur sedia ada, dan membentuk asas untuk kajian masa depan yang meneroka dinamika media sosial dalam konteks pilihan raya. Secara keseluruhan, penyelidikan ini melampaui konteks pilihan raya segera, mempunyai potensi untuk memberi maklumat kepada perbincangan lebih meluas mengenai peranan media sosial dalam politik kontemporari, dinamika pilihan raya, dan pemerintahan demokratik.

1.6 Pembahagian Bab

Kajian ini mengandungi lima bab utama. Bab 1 adalah bab pendahuluan. Ia melibatkan perbincangan tentang permasalahan kajian. Bab 1 turut mengandungi persoalan kajian, objektif kajian serta kepentingan kajian.

Bab 2 mengandungi perbincangan berkaitan ulasan karya. Bab 2 ini mengandungi teori dan konsep yang relevan dengan topik kajian. Bab 2 juga membincangkan kajian-kajian lepas berkaitan sistem pilihan raya. Seterusnya Bab 3 di dalam tesis mengandungi metodologi kajian. Bab 3 turut membincangkan berkaitan responden dan rekabentuk kajian untuk kajian ini.

Bab 4 adalah dimana analisis kajian dan dapatan kajian dibincangkan. Bab ini akan memandu kepada dapatan yang akan memberi jawapan kepada persoalan kajian sejajargen objektif yang telah digariskan.

Bab terakhir iaitu Bab 5 mengandungi kesimpulan dan cadangan. Bab 5 mengandungi perbincangan membincangkan dapatan terhadap penemuan kajian dan capaian terhadap objektif kajian.

Bab ini akan menyimpulkan penemuan kajian. Seterusnya cadangan penambahbaikan yang sesuai berdasarkan kepada penemuan akan diberikan di bab terakhir ini.

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Bab ini meneroka peranan penting yang dimainkan oleh faktor media sosial dalam menentukan kejayaan calon pilihan raya, seperti yang diperlihatkan oleh kajian kes yang dilakukan di DUN Nombor 24, Semenyih, Selangor. Bahagian ini bertujuan untuk menyediakan gambaran menyeluruh terhadap karya ilmiah yang sedia ada berkaitan dengan pengaruh media sosial terhadap hasil pilihan raya. Ia menetapkan konteks penyelidikan dengan menekankan kepentingan yang semakin meningkat media sosial dalam kempen politik dan penglibatan pengundi.

Dengan merungkai literatur yang berkaitan, bab ini berusaha untuk mengenal pasti teori-teori utama, metodologi, dan dapatan yang menyumbang kepada pemahaman kita tentang bagaimana media sosial membentuk dinamika pilihan raya. Selain itu, kajian literatur bertujuan untuk mengenal pasti kesenjangan atau batasan dalam korpus pengetahuan semasa, menekankan keperluan untuk kajian ini, dan menetapkan landasan untuk soalan kajian seterusnya, objektif, dan metodologi.

2.2 Konsep Media

Media, didefinisikan sebagai saluran atau alat untuk menyampaikan maklumat, telah mengalami evolusi sejarah dari bentuk cetakan dan penyiaran tradisional ke platform digital kontemporari. Evolusi ini berakar pada keperluan komunikasi dan penyebaran maklumat, bertindak sebagai jambatan penting antara sumber maklumat dan audiens (McLuhan, 1964).

Seiring dengan kemajuan masyarakat, transformasi jenis media mencerminkan kemajuan teknologi dan perubahan sosial.

Media moden merangkumi pelbagai bentuk seperti cetakan (surat khabar, majalah), penyiaran (televisyen, radio), digital (laman web, media sosial), dan media elektronik (podcast, perkhidmatan strim). Proliferasi platform digital telah melahirkan pengalaman multimedia, menggalakkan pertukaran maklumat yang interaktif dan dinamik (McQuail, 2010). Platform media sosial seperti Facebook, Twitter, dan Instagram memainkan peranan penting dalam membentuk wacana awam, mempengaruhi pendapat, dan menghubungkan individu secara global.

Peranan utama media dalam masyarakat adalah bertindak sebagai saluran maklumat, berfungsi sebagai penjaga, pendidik, dan penghibur (Bagdikian, 2004). Ia memberi maklumat kepada orang ramai tentang peristiwa semasa, isu, dan perkembangan, menyumbang kepada fungsi demokratik masyarakat. Media berperan sebagai penjaga dengan menyelidik tindakan kerajaan, institusi, dan individu, memastikan akauntabiliti dan menggalakkan ketelusan. Selain itu, ia berfungsi untuk tujuan pendidikan, menyebarkan pengetahuan dan memudahkan perbincangan awam tentang pelbagai subjek. Peranan hiburan, yang lain penting, menyediakan cara untuk bersantai dan melarikan diri, membentuk norma budaya dan nilai.

Media mempunyai pengaruh besar dalam membentuk pendapat, sikap, dan perilaku masyarakat. Penyusunan cerita berita, pilihan editorial, dan nada pelaporan dapat mempengaruhi persepsi masyarakat (Chomsky, 1988). Media sosial, khususnya, telah memperkuat kelajuan dan capaian penyebaran maklumat, membolehkan penyebaran berita yang cepat dan membina komuniti dalam talian. Namun, kebimbangan mengenai maklumat palsu, berita palsu, dan dinding bersuara menyoroti tanggungjawab media dalam memastikan ketepatan dan kewartawanan etika.

Secara keseluruhan, konsep media telah berkembang, dengan peranan utamanya merangkumi penyebaran maklumat, bertindak sebagai penjaga, pendidik, dan penghibur. Rujukan utama termasuk "Amusing Ourselves to Death" oleh Neil Postman dan "Understanding Media" oleh Marshall McLuhan untuk wawasan tentang impak dalam masyarakat. Karya-karya oleh sarjana media seperti McQuail (2010), Bagdikian (2004), dan Chomsky (1988) turut menyumbang kepada pemahaman teori media dan implikasinya dalam masyarakat.

2.3 Konsep Media Sosial

Sifat dinamik dan meresap media sosial telah mengubah secara signifikan landskap komunikasi dan interaksi dalam zaman digital. Platform-platform ini telah menjadi instrumen penting dalam membentuk cara individu, komunitas, dan perniagaan berhubung, berkongsi, dan terlibat dengan maklumat. Platform media sosial adalah pelbagai, memenuhi keperluan dan pilihan yang berbeza. Platform rangkaian, seperti Facebook, Twitter, dan LinkedIn, menumpukan kepada hubungan antara individu dan rangkaian profesional. Pengguna dapat membina lingkaran sosial maya, berkongsi kemas kini peribadi, dan terlibat dalam perbualan secara masa nyata, melampaui batasan geografi (Boyd & Ellison, 2007).

Platform berkongsi kandungan, seperti Instagram, TikTok, dan YouTube, mewakili aspek lain media sosial. Platform-platform ini dicirikan oleh tumpuan kepada penciptaan dan penggunaan kandungan multimedia. Pengguna dapat berkongsi kandungan visual, memupuk kreativiti dan ekspresi diri. Kenaikan pengaruh dan pencipta kandungan di platform ini telah mengubah cara individu mengekspresikan diri dan membina persona dalam talian (Kaplan & Haenlein, 2010).

Tujuan media sosial merangkumi bidang peribadi, profesional, dan maklumat. Pada peringkat peribadi, media sosial bertindak sebagai jambatan, menghubungkan individu dengan rakan-rakan dan keluarga, tanpa mengira jarak fizikal. Ia berfungsi sebagai platform untuk berekspresi diri, membolehkan pengguna berkongsi pemikiran, pengalaman, dan emosi


mereka. Secara profesional, platform seperti LinkedIn telah menjadi alat penting untuk rangkaian, carian pekerjaan, dan pembangunan kerjaya (Boyd & Ellison, 2007).

Media sosial juga memainkan peranan penting dalam penyebaran maklumat. Pengguna dapat kekal dimaklumkan tentang peristiwa semasa, tren, dan isu global secara masa nyata. Kelajuan dan kebolehcapaian maklumat di media sosial telah membentuk semula corak penggunaan berita tradisional. Selain itu, individu dan perniagaan menggunakan platform ini untuk mempromosikan diri dan membangun jenama, mempamerkan bakat, produk, dan perkhidmatan kepada khalayak global (Rheingold, 2000).

Melampaui penggunaan peribadi dan profesional, media sosial telah menjadi pemangkin aktivisme politik dan gerakan sosial. Aktivis menggunakan platform seperti Twitter dan Facebook untuk menggerakkan penyokong, meningkatkan kesedaran tentang isu sosial, dan memfasilitasi perbualan awam. Perniagaan, menyedari jangkauan meluas media sosial, menggunakan platform ini untuk pemasaran dan pengiklanan, berinteraksi dengan pangkalan pelanggan global (Kaplan & Haenlein, 2010). Impak mendalam media sosial terhadap masyarakat jelas dalam keupayaannya untuk mempengaruhi trend budaya, membentuk pendapat awam, dan menyediakan ruang demokratik bagi pelbagai suara didengar.

2.4 Media Dalam Pilihan Raya

Kempen Presiden Barack Obama pada tahun 2008 telah berjaya membuktikan media sosial menjadi bahagian penting dalam sejarah kempen Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat (Tumasjan, Sprenger, Sander & Welp, 2012). Pelbagai platform seperti Facebook, YouTube dan Twitter khusus digunakan untuk menyampaikan pendapat dan pandangan Obama mengenai isu penting kepada seluruh rakyat Amerika Syarikat. Beberapa penganalisis politik di Amerika Syarikat juga menyifatkan kemenangan Obama adalah sebagai satu tindakan yang bijak dalam memperoleh sokongan pengundi.



Rajah 2. 1 Kempen Media Sosial Barack Obama 2012

Menurut Bahsky, Rosenm, Marlow dan Adamic (2012), media merupakan pengaruh yang amat besar terhadap penyertaan pengundi dalam sesebuah pilihan raya. Kajiannya mendapati bahawa Facebook menjadi rangkaian digital yang mempunyai sentimen politik yang tinggi dalam pangguna pengguna. Hal ini kerana berlakunya penyebaran mesej melalui status, ruangan komen, audio dan visual menerusi Facebook. Tambahnya lagi, Facebook berperanan dengan sangat baik dan bijak apabila bertindak sebagai salah satu platform perdebatan umum. Implikasi daripada kewujudan platform ini sudah pasti sedikit banyak mendorong penglibatanseseorang individu untuk menyertai aktiviti demokrasi politik secara atas talian.

Selain itu, Junaidi (2010) dalam kajiannya mendapati pengaruh media baharu seperti Facebook dan Twitter mempunyai pengaruh yang besar dalam mempengaruhi tingkahlaku politik dalam kalangan mahasiswa. Hal ini demikian kerana pengguna media baharu dapat menerima informarsi daripada kedua-dua

pihak kerajaan dan pembangkang dan seterusnya membuat penilaian yang sewajarnya yang di samping berpeluang mengutarakan pandangan terutamanya melalui platform digital seperti Facebook, Twitter dan YouTube. Menurutny lagi, kajiannya mendapati bahawa lebih 80.0% daripada semua mahasiswa yang terlibat mempunyai profil media sosial dengan menggunakan laman media sosial sekurang-kurangnya sekali sehari.

Ismawati et al. (2014) dalam kajian mengenai tsunami politik bandar pada Pilihan Raya Umum 2013 di Malaysia telah mendapati bahawa ‘tsunami politik bandar’ wujud atas dasar faktor kemudahan untuk mengakses informasi berkaitan politik tanah air daripada platform Facebook, Twitter, dan blog. Media sosial, terutamanya Facebook merupakan saluran penting untuk pembangkang mengenai kawalan parti masyarakat.



Rajah 2. 2 Akaun Media Sosial Donald Trump

Saufiyyan (2017) dalam kajiannya juga mendapati bahawa Presiden Donald Trump dilihat lebih banyak menyebarkan propaganda politiknya menjelang kempen Pilihan Presiden Amerika Syarikat melalui saluran media sosial miliknya seperti Twitter dan Facebook berbanding YouTube pada tahun 2016.



Rajah 2. 3 Aplikasi Whatsapp

Asmah (2013) pula beranggapan bahawa rakyat acap kali menggunakan media sosial untuk menyampaikan pandangan melalui perbincangan yang mengupas mengenai isu-isu semasa melalui aplikasi seperti Facebook, Twitter dan blog. Kajian-kajian lepas mendapati bahawa masyarakat telah mula beralih daripada penggunaan media-media tradisional seperti akhbar, televisyen dan radio kepada penggunaan media barumenerusi aplikasi WhatsApp. Hal ini demikian kerana faktor medium yang ringkas untuk berkomunikasi secara atas talian dan penyebaran maklumat yang lebih pantas tanpa sebarang batasan berbanding penggunaan media massa yang lain.

Junaidi et al. (2013) dalam penyelidikan PRK dari tahun 2013 hingga 2014 mendapati bahawa sokongan pengundi adalah berubah-ubah. Fenomena berkenaan dipengaruhi oleh sumber maklumat politik yang diterima, bentuk kempen oleh parti-parti politik dan latar belakang calon. Justeru, suasana politik dan keberlangsungan PRU di Malaysia adalah didapati menarik untuk diteliti terutamanya dari segi kepelbagaian pola pengundian berdasarkan faktor-faktor tertentu.

Junaidi et al. (2013) dalam kajian “Penggunaan Internet dan Persepsi Politik Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia” mendapati pengaruh internet dan mediasosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perlakuan politik para mahasiswa. Mereka juga kritis terhadap isu semasa tetapi masih merupakan kumpulan intelek yang menyokong pentadbiran universiti dan kerajaan. Namun demikian, kerajaan perlu mendengar dan mengambil kira pandangan mereka dalam usaha memajukan masyarakat dan negara.

Kajian oleh Syed Arabi (2014) mengenai penggunaan media massa di Malaysia mendapati remaja yang berumur antara 21 hingga 35 tahun lebih mempercayai kredibiliti maklumat politik daripada akhbar berbanding televisyen dan internet. Hariszuan (2014) dalam kajian budaya popular mendapati budaya popular bukan hanya dalam bentuk video Youtube, status Facebook, pentas konsert, tetapi juga hubungan kuasa dan ranah pembentukan makna. Budaya popular digunakan oleh kebanyakan orang muda untuk mengartikulasikan idea, pandangan, gagasan mereka terhadap sebarang isu di negara ini.

Fazlina (2014) dalam kajian “Kartun Editorial Melayu Pasca Pilihan Raya Umum 2008: Rupa, Jiwa dan Kritikan” mendapati terdapat perbezaan yang nyata dari segi rupa, jiwa dan kritikan oleh kartunis editorial Melayu yang menyiarkan karya merekamelalui aliran arus perdana dan alternatif media.

2.5 Senario Politik Di Malaysia

Malaysia merupakan antara negara yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya. Etnik Melayu dan komuniti Orang Asli merupakan penduduk majoriti di

Semenanjung(sekitar 67 peratus). Kumpulan etnik Cina adalah sebanyak 25 peratus, tujuh peratus India dan satu peratus terdiri daripada lain-lain etnik (Weiss, 2013: 4). Semasapenjajahan British, buruh daripada China dan India dibawa ke Semenanjung dan keturunan mereka membentuk kumpulan minoriti yang besar. Kumpulan etnik Melayudan Orang Asli tergolong dalam kategori Bumiputera, menikmati beberapa hak istimewa dalam perlembagaan, sementara kumpulan minoriti dikenali sebagai bukan Bumiputera.



Rajah 2. 4 Negeri-Negeri di Malaysia

Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan persekutuan monarki dengan 13 negeri dan tiga wilayah persekutuan. Sebelas negeri terletak di Semenanjung, dua (Sabah dan Sarawak) berada di Borneo dan bagi wilayah persekutuan pula, dua daripadanya terdapat di Semenanjung dan satu di Borneo. Persekutuan Tanah Melayu (Semenanjung) mendapat kemerdekaan daripada British pada tahun 1957

dan pada tahun 1963, Sabah, Sarawak dan Singapura bersetuju untuk membentuk Persekutuan Malaysia. Namun begitu, Singapura, atas beberapa sebab politik tertentu telah keluar daripada Malaysia pada tahun 1965.

Sistem dan institusi politik moden di Malaysia, seperti sistem pilihan raya pada hari ini berasal daripada projek modenisasi peninggalan kolonial, diperkenalkan secara berperingkat bermula awal dekad 1950an. PRU di Malaysia diadakan untuk memilih Ahli Dewan Rakyat pada peringkat nasional dan Ahli Dewan Undangan Negeri bagi 13 buah negeri. Sehingga kini, kesemua Dewan Undangan Negeri (DUN) mengadakan pilihan raya secara serentak semasa PRU, kecuali bagi DUN Sarawak. Ahli bagi kedua-dua jenis dewan tersebut dipilih berdasarkan '*single-member constituency*' menggunakan sistem '*first past the post*' atau undian majoriti. Konstituensi atau kawasan pilihan raya biasanya berbeza dari segi saiz populasi. Kerusi parlimen yang paling rendah populasi pengundi terdapat di Parlimen Putrajaya (13,179) dan paling tinggi terdapat di Parlimen Kapar (134,211), Selangor. Kebanyakan konstituensi yang rendah populasi pengundinya berada di kawasan luar bandar dan kadar populasi pengundi yang tidak seimbang ini biasanya dirujuk sebagai '*rural weightage*' (Weiss, 2013: 4). Proses persempadanan semula yang dilakukan semenjak PRU 1982 hingga 2003 memihak kepada BN dengan memperbanyakkan konstituensi Melayu dan *kawasan campuran* (Brown, 2005).

PRU biasanya diadakan setiap empat atau lima tahun sekali apabila Perdana Menteri membubarkan parlimen dengan mendapat persetujuan daripada yang Di-Pertuan Agong. Mengikut perlembagaan Malaysia, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diberi kuasa untuk menyelia pentadbiran dan perjalanan pilihan raya. PRU mesti diadakan

dalam jangka masa tiga bulan selepas parlimen dibubarkan (Abdul Rashid Moten, 2009: 22).

Namun demikian, seorang pengkaji lain menyatakan bahawa Malaysia mempunyai prasyarat yang mencukupi untuk menjadi sebuah negara demokrasi. Antaranya ialah kewujudan kelas menengah yang besar antara pelbagai kumpulan etnik, kadar pertumbuhan tinggi dalam suatu jangka masa yang agak panjang (semenjak tahun 1970an hingga kini), ekonomi yang berintegrasi dengan sistem ekonomi dunia, mempunyai tradisi menyelesaikan konflik antara etnik secara aman dan budaya penyertaan rakyat dalam politik.

‘Sebagai tambahan, Malaysia juga terletak di rantau dimana negara-negara jiran mengalami transisi daripada regim bersifat autoritarian kepada demokrasi’ (Andreas Ufen, 2009: 606).

Sistem pemerintahan moden di Malaysia bermula dengan era pemerintahan British yang memperkenalkan sistem pilihan raya dan parti politik. Namun begitu, bukan semua parti politik dibenarkan oleh British untuk menyertai proses pilihan raya. Partiyang berasaskan ideologi seperti Parti Komunis Malaya (PKM) diharamkan oleh pihak British dan tidak dibenarkan menyertai proses pilihan raya (Crouch, 1996: 57; Case, 2009: 314). Hanya parti yang tidak berasaskan ideologi yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya, antaranya adalah seperti UMNO (ditubuhkan pada tahun 1946), MCA (1949), MIC (1946), PAS (1951) dan beberapa parti kecil yang lain.

Inilah kekuatan rakyat Malaysia sewaktu awal kemerdekaan iaitu mengenali dan memahami mengenai perjalanan institusi politik. Ini tidak bermakna masyarakat secara umumnya faham akan idea politik itu sendiri. Masyarakat lebih mengenali simbol dan mengundi berdasarkan simbol parti. Manifesto, perlembagaan parti serta isu yang dibawa oleh parti, tidak begitu difahami oleh pengundi.

Harus diakui bahawa bukan semua anggota masyarakat pada zaman awal kemerdekaan berada pada tahap literasi politik yang rendah. Kumpulan elit dan ahli perniagaan Melayu memiliki idea bagaimana untuk mendapatkan faedah atau keuntungan kepada kumpulan mereka daripada daulah. Pada tahun 1965, Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama diadakan dan kumpulan elit Melayu dan ahli perniagaan Melayu mula berbincang mengenai pengagihan dan pertumbuhan ekonomi, kuasa politik dan kuasa ekonomi. Kongres ekonomi tersebut memperlihatkan kelompok-kelompok masyarakat yang berlainan, khususnya elit Melayu dan sebahagian kelas menengah Melayu memahami idea mengenai pengagihan kuasa. Konsep yang popular pada masa ini ialah 'Melayu menguasai politik, bukan Melayu menguasai ekonomi' (Ratnam dan Milne, 1970).

Pada masa ini, timbul persoalan bagaimana untuk menggunakan institusi politik bagi mengimbangi idea politik itu tadi. Seterusnya, perbincangan mengenai idea dapat dikesan semasa konfrontasi dengan Indonesia. Sebelum ini, penduduk hanya mendengar sahaja istilah kedaulatan tanpa ada idea tentang apa itu kedaulatan. Konfrontasi mempopularkan idea untuk mempertahankan negara daripada ancaman luar.

Kesetiaan patriotisme dan sebagainya diperkatakan oleh pelbagai golongan dalam masyarakat. Ini adalah antara episod-episod politik yang menyedarkan masyarakat tentang adanya ancaman, sempadan, kerajaan bayangan, kerajaan buangan dan keselamatan negara (Mean, 1970). Jika Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama dan Kedua melibatkan peningkatan tahap literasi politik dalam kalangan elit Melayu, konfrontasi membolehkan idea politik difahami bukan sahaja bagi golongan elit tetapi juga oleh golongan bawahan.

Pergolakan politik semasa era reformasi menarik minat dan membuka ruang perbincangan serta artikulasi dalam konteks politik yang tidak lagi bersifat etnik. Sebaliknya wacana mengenai keperluan membawa agenda perubahan besar yang melibatkan perbaikan dalam urus tadbir, institusi politik yang lebih kukuh dan penghormatan terhadap hak asasi. Agenda ini dilakukan oleh Abdullah Hj. Ahmad Badawi selepas beliau menggantikan Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri sehingga melonjakkan kembali sokongan terhadap BN semasa PRU 2004 (O'Shannassy, 2008: 96; Case, 2013: 334). Kegagalan Abdullah Hj. Ahmad Badawi melaksanakan tuntutan tersebut juga merupakan punca kepada kemerosotan pengaruh UMNO dan BN semasa PRU 2008 (Saravanamuttu, 2003: 346).

2.6 Pilihan Raya Di Selangor

Junaidi et al. (2010) dalam kajian pilihan raya kecil di Parlimen Hulu Selangor mendapati dari segi kriteria pemilihan calon, 81.7 peratus responden menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat. Parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan menjadi pilihan utama mereka (75.3 peratus). Majoriti responden menyokong, menghayati dan memanifestasi konsep "1 Malaysia:

Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dan menyatakan prestasi kepimpinan Kerajaan Persekutuan berada pada tahap memuaskan. Samsudin (2010) dalam kajian “Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke- 12” telah mendapati bahawa kepercayaan kepada maklumat internet dan daripada kawan-kawan serta isu-isu yang dibangkitkan pilihan raya telah menyumbang secara positif terhadap kepuasan PRU-12 yang memihak kepada gabungan parti pembangkang.

Markus (2010) menyatakan dalam usaha untuk mengembalikan keyakinan dan sokongan pengundi Cina kepada MCA, parti tersebut perlu berubah dengan tidak lagi menggunakan strategi politik pembangunan yang hanya akan melahirkan masyarakat yang malas, kebergantungan dan pasif untuk menarik undi Cina, sebaliknya perlunya budaya politik pengisian yang bermakna seperti politik nilai, integriti, keadilan dan matang.

Junaidi et al. (2011a) dalam kajian budaya politik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Hulu Selangor mendapati dari segi kriteria pemilihan calon, 81.7 peratus responden menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat. Hasil kajian juga mendapati 43.10 peratus responden menyatakan akan mengundi BN berbanding 34 peratus PKR.

Dapatan kajian tersebut selaras dengan keputusan sebenar pilihan raya yang memihak kepada BN sebanyak 1,725 undi majoriti. Junaidi et al. (2011b) mendapati trend pengundian sehingga tahun 2011 dalam setiap PRK menunjukkan sokongan terhadap BN/Kerajaan Pusat bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum

Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Rakyat bergantung kepada undi kaum Cina/Tionghua. Trend pengundian kaum Melayu di bahagian tengah dan selatan Semenanjung Malaysia dalam PRU 2008 seterusnya pada pilihan raya-pilihan raya kecil (PRK) pada tahun 2008 hinggalah 2011 menunjukkan bahawa mereka secara dominannya menyokong parti pemerintah Malaysia sekarang iaitu Barisan Nasional (BN), manakala kaum Cina pula berkecenderungan dan mengundi calon-calon daripada parti-parti pembangkang/oposisi atau lebih dikenali sebagai Pakatan Rakyat (Junaidi et al. 2011b).

Menurut Amer Saifude dan Zulkanain (2011) dalam kajian tentang analisis pasca PRU ke-12 mengenai sokongan bukan Melayu kepada UMNO dan PAS telah menunjukkan bahawa pengundi Cina dan India telah memberikan sokongan penuh kepada calon pembangkang tanpa mengira etnik calon tersebut walaupun calon parti pembangkang adalah Melayu. Kesimpulannya ialah UMNO dan PAS masih bergantung kepada sokongan etnik Melayu berbanding etnik lain dalam pilihan raya; namun peminggiran etnik lain, jika dilakukan akan turut menjejaskan prestasi mereka.

Junaidi et al. (2014a) dalam kajian tentang tsunami politik bandar pada Pilihan Raya Umum 2013 di Malaysia telah mendapati bahawa ‘tsunami politik bandar’ berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti facebook, twitter, laman web, blog dan juga SMS di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada Pakatan Rakyat (PR).

Junaidi dan Mazlan (2014) dalam kajian tentang perubahan dinamik Pilihan Raya Umum Kuala Lumpur dari tahun 1955 hingga 2013 telah mendapati bahawa sehingga pertengahan 1960-an, Kuala Lumpur menjadi kubu kuat parti-parti pembangkang berfahaman sosialis yang mendominasi politik demokrasi tetapi peningkatan kefahaman perkauman menyaksikan kebangkitan parti-parti pembangkang berasaskan bukan Melayu seperti DAP dan Gerakan.

Menurut Idris (2014) dalam kajian tentang analisis linguistik terhadap manifesto pilihan raya telah mendapati bahawa bahasa atau aspek linguistik mempunyai peranan dalam proses pemerolehan kuasa pemerintahan negara atau proses politik. Dalam kajian ini telah dianalisis cara pemanfaatan bahasa oleh dua parti politik bagi mencapai proses tersebut. Aspek bahasa berkenaan diserlahkan di dalam manifesto pilihan raya yang dihasilkan.

Muhammad Hazim et al. (2016) dalam kajian mengenai reaksi rakyat Selangor mengenai senario semasa politik pasca PRU 2013 menuju PRU-14 akan datang di kawasan DUN Teratai, Parlimen Pandan, Selangor mendapati bahawa isu ekonomi merupakan isu terpenting yang perlu ditangani oleh Kerajaan. Bagi isu domestik, isu gangguan bekalan air boleh menjejaskan sokongan rakyat kepada Kerajaan Selangor. Sebaliknya responden bersetuju dengan dasar-dasar Kerajaan Pusat yang mementingkan kebajikan rakyat seperti pemberian BR1M, rumah mampu milik, bantuan kepada pelajar sekolah dan universiti. Oleh itu, pengundi di Selangor mementingkan kerajaan yang mengutamakan kebajikan rakyat di samping inginkan kerajaan yang telus, adil dan berintegriti.



Rajah 2. 5 Keputusan PRU ke 14

Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada 9 Mei 2018 telah menjadi memori rakyat Malaysia serta lipatan sejarah sebagai lambing interpretasi gelombang kebangkitan rakyat apabila kekalahan kali pertama dalam sejarah parti Barisan Nasional (BN) gabungan antara UMNO, MCA, dan MIC serta kemenangan kali pertama kepada pihak pembangkang iaitu Pakatan Harapan (PH) yang diterajui oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad. Landskap politik di negara ini berubah 360 darjah apabila pemerintahan bertukar tangan setelah 60 tahun BN berada di tampuk pemerintahan. BN gagal memperoleh majoriti mudah 112 dari 222 kerusi Parlimen dan bukan itu sahaja, BN turut kehilangan negeri yang sering kali dinyatakan kubu kuat BN iaitu negeri Johor, Negeri Sembilan dan Melaka.

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Sejarah awal demokrasi juga lahir daripada pemikiran politik para sarjana yang mengutamakan rakyat.

Gettyburgnya menyatakan, Presiden Amerika Syarikat ke-16 iaitu Abraham Lincoln berkata bahawa :

“Demokrasi merupakan suatu sistem pemerintahan yang diselenggarakan dari rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat”

Dari istilah dan pengertian tersebut boleh disimpulkan bahawa rakyat mempunyai kekuasaan tertinggi dalam sesuatu pemerintahan. Dimana setiap dari rakyat memilikihak dalam memperoleh kesempatan serta hak dalam bersuara yang sama dalam upaya mengatur kebijakan pemerintahan. Dalam system demokrasi, keputusan yang diambiladalah berdasarkan hasil suara atau undian terbanyak.



Rajah 2. 6 Barisan Nasional Menguasai Kerusi Parlimen Pada PRU-13



Rajah 2. 7 Statistik Keputusan Parlimen 2013 (Bernama)

DUN Semenyih pada PRU-12 dan PRU-13 merupakan kawasan Barisan Nasional bilamana dalam kedua-dua PRU tersebut dimenangi oleh BN dengan majoriti antara 1000 ke 4000 undi. Walau bagaimanapun, tsunami politik pada PRU-14 akhirnya telah menenggelamkan BN apabila calon PH berjaya memenangi dengan majoriti 8,964 undi. PH boleh berbangga dengan angka majoriti undi ini tetapi geopolitik tanah air mula berubah sejak PRK Cameron Highlands menjadi penunjuk aras kepada suara rakyat. BN dan PAS bergabung dalam memberi undi kepada calon BN iaitu Ramli Mohd Nor di Cameron Highlands sehingga berjaya memperolehi majoriti 3,238 undi. Kerjasama antara Mohamad Hasan dan Hj. Hadi Awang mula membuahkan hasil dan tidak mustahil muafakat ini diteruskan dalam siri PRK seterusnya. PAS juga secara terang menyatakan secara terang tidak akan meletakkan calon di PRK Semenyih malahan memberi isyarat akan menyokong calon dari Barisan Nasional.




Rajah 2. 8 Keputusan PRU-14 (RTM,2018)

Bermula dengan runtuhnya kekuatan BN pada PRU-14 serta ditambah lagi dengan wakil rakyat lompat parti memperlihatkan kekalahan moral yang teruk kepada BN khasnya UMNO itu sendiri. Momentum UMNO sebagai pembangkang bersama PartiPAS tidak boleh dipandang mudah apabila mula mendapat sokongan rakyat. UMNO mungkin kini dilihat parti yang tempang dengan disajikan acara lompat parti tetapi dalam masa yang sama inilah platform terbaik dimana boleh melihat pemimpin yang tinggal mempunyai kecekalan tersendiri bersama UMNO.

PAS juga sejak azali lagi mempunyai sokongan ahli yang tidak berbelah bahagi walaupun ada segelinti yang keluar menyertai Parti Amanah Negara yang diterajui Mohamad Sabu iaitu Menteri Pertahanan Malaysia. Signal ini jelas khasnya di kubu kuat PAS di Kelantan dan Terengganu, walaupun Parti Harapan menggunakan calon Nik Omar Nik Aziz iaitu anak kedua kepada alahyarham bekas mursyidul am PAS, ianya tidak dapat mengubah pengundi kearah PH sekaligus menyaksikan calon PAS

iaitu Ahmad Fathan Mahmood mengekalkan kedudukannya dengan jumlah undi 10,549 di DUN Chempada pada PRU-14 yang lalu.

2.7 Senario Pilihan Raya: DUN N.24 Semenyih, Selangor



Rajah 2. 9 Peta Semenyih

Sejak 9 Mei 2018, lima PRK telah diadakan iaitu tiga di Selangor (Sungai Kandis, SeriSetia dan Balakong), satu di Negeri Sembilan (Port Dickson) dan satu di Negeri Pahang (Cameron Highland). Dalam kelima-lima PRK terawal kesemuanya dimenangi oleh calon kerajaan baharu Pakatan Harapan dan PRK Cameron Highlands merupakan titik tolak pertama dimana pembangkang berjaya memenangi dengan majoriti melebihi 3000 undi.

Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Semenyih, Selangor, menjadi perbualan hangat dalam kalangan ahli-ahli politik. PRK ini diadakan berikutan penyandanganya meninggal dunia pada 11 Januari 2019 (Utusan Malaysia, 8 Februari 2019). PRK DUN Semenyih merupakan PRK ke enam dalam tempoh kerajaan

Pakatan Harapan memerintah dan diadakan susulan penyandanganya iaitu Bakhtiar Mohd Nor daripada kerajaan Pakatan Harapan meninggal dunia pada 11 Januari 2019 akibat serangan jantung. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 16 Februari 2019 meruapakn hari penamaan calon, 26 Februari 2019 sebagai Undi Awal dan 2 Mac 2019 sebagai hari pembuangan undi.

Data rasmi SPR juga memperincikan bahawa seramai 54,503 pengundi berdaftar layakmembuang undi dan jika dipecahkan mengikut kaum utama DUN Semenyih mempunyai 36,857 pengundi kaum Melayu yang mana 69.2 peratus diikuti 8,939 pengundi kaum Cina iaitu 16.8 peratus, 7,062 pengundi kaum India iaitu 13.3 peratus dan 399 pengundi lain-lain kaum yang mewakili 0.7 peratus.

Undian pada PRU-14 di DUN Semenyih, jika digabungkan undi diberi kepada calon BN dan calon PAS adalah berjumlah 21,430 undi dan ianya hampir menyamai undi yang diterima oleh calon PH iaitu sebanyak 23,428 undi. Hal ini jelas menunjukkan apabila faktor lain meresapi pemikiran pengundi Semenyih, adalah tidak mustahil PRK semenyih akan dimenangi semula oleh calon pembangkang.



Rajah 2. 10 Fenomena Bossku Ketika di Semenyih

Dilihat kepada faktor ‘troll’ bekas perdana menteri Najib Razak juga mempengaruhi minda pengundi di Malaysia dan ianya dibuktikan dengan peningkatan ‘like’ atas setiap ‘posting’ yang dibuat melalui laman sosial beliau. Najib Razak juga bijak menggunakan ruang alam maya dengan baik dalam memperlihatkan persepsi negatif dan kelemahan kepimpinan menteri dalam kerajaan baru.

Terdapat isu berkaitan kelulusan akademik beberapa menteri Pakatan Harapan adalah palsu dan tidak diiktiraf sehinggakan kepimpinan tertinggi PH menyatakan bahawa perlantikan menteri-menteri bukan berdasarkan kelulusan semata-mata. Tetapi isunya di sini adalah isu amanah dan integriti yang dilaungkan oleh mereka satu ketika dahulu terhadap pemimpin BN bagaikan dipulangkan kepada paku serpihnya. Ini sedikit sebanyak menyumbang kepada faktor sokongan pada PRK Semenyih.

Komposisi kaum juga memainkan peranan penting dalam meyumbang kepada trend pengundian. Majoriti kaum Melayu yang mendominasi DUN Semenyih sehingga hampir 70 peratus juga merupakan cabaran kepada pihak kerajaan PH apabila isu setempat, nasional dan janji manifesto seperti penghapusan tol masih belum ditanganidengan baik oleh kerana sebahagian daripada pengundi ini bekerja di Kuala Lumpur dan berulang alik dalam erti kata lain terpaksa membayar sejumlah wang bagi kos toldan ianya merupakan manifesto PH semasa PRU-14.

Isu ICERD dan ketuanan Melayu seringkali dimainkan oleh pihak pembangkang dalam mempengaruhi pengundi Melayu. Secara ringkasnya arena perjuangan masih tersedi bagi kesemua parti tetapi apa yang penting adalah siapakah calon yang akan dipilih dan ini merupakan faktor penting yang boleh membawa kejayaan dalam sesebuah parti. Bagi Pakatan Harapan, telah disepakat bahawa laluan bagi pencalonankerusi DUN Semenyih hanya dibuka kepada calon dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia(PPBM) dan bukan kepada parti komponen PH yang lain. PH juga dilihat yakin calonyang dipilih mampu mengekalkan majoriti besar di kawasan DUN Semenyih. Rakyatdan pengundi kini lebih cakna terhadap isu-isu semasa dan peluang terbuka bagi kesemua calon dalam memenangin hati pengundi.

Analisa pola pengundian menunjukkan bahawa calon PH mengalahkan calon BN padaPRU-14 kerana sebahagian besar pengundi India, yang biasa menyokong BN, dan sebahagian pengundi Melayu atas pagar (tidak tetap pendirian) dikesan mengalih sokongan mereka kepada calon PH. Dengan sokongan hebat itu, Calon PH memperoleh 23,428 undi berbanding dengan hanya 14,464 undi oleh calon BN. Selain

itu, calon PH menang DUN Semenyih pada PRU-14 kerana tercetusnya gelombang perubahan yang mempengaruhi minda pengundi untuk mengubah kerajaan.

2.8 Literasi Politik


Menurut Karl Marx, sekiranya hendak menguasai pemikiran rakyat, kena lah menguasai media terlebih dahulu (Chandler, 1995). Daripada pernyataan ini, dapat dilihat bahawa media dan politik ini adalah dua entiti yang tidak dapat dipisahkan samasekali. Sifat media yang hakiki iaitu untuk menyebarkan sebarang maklumat, tidak terkecuali politik sering dijadikan alat oleh pemain-pemain politik bagi menguasai pemikiran rakyatnya. Media boleh dibahagikan kepada tiga kategori mudah iaitu media elektronik, media cetak, dan yang terkini iaitu media sosial (Md. Sadin, 2006). Globalisasi yang berlaku dalam dunia ini memerlukan sesebuah organisasi itu bergerak dengan pantas agar tidak ketinggalan dalam era yang serba mencabar ini. Hal ini jugatidak terkecuali media apabila globalisasi ini telah mengubah peranan dan fungsi media itu menjadi lebih dinamik dan kompleks.

Menurut Hands (1992), literasi politik merupakan pengetahuan dan pemahaman tentang proses politik dan isu-isu politik, sesuatu pemahaman dan pengetahuan yang memungkinkan setiap warganegara dalam sesebuah negaramenjalankan peranannya sebagai seorang warga negara. Peranan ini termasuklah apa yang disebutkan sebagai 'political expertise' dan 'political awareness'.

Crick berpandangan bahawa literasi politik adalah pemahaman tentang konsep-konsep yang diambil dalam kehidupan seharian, dan bahasa adalah elemen yang penting dalam memahami sesebuah isu-isu politik, keyakinan orang yang bertanding, dan bagaimana kecenderungan mereka untuk mempengaruhi diri sendiri dan juga orang lain. Secara ringkasnya, literasi politik pada dasarnya adalah gabungan yang kukuh daripada pengetahuan, keterampilan, dan sikap.

Dalam pada itu, Westholm et. al. (1989) menyatakan bahawa literasi politik pada dasarnya adalah penglibatan warganegara, suatu penglibatan yang dibentuk agar seseorang warganegara itu menjalankan peranan dalam kehidupan demokrasi. Berdasarkan kepada pemahaman di atas, literasi politik dikukuhkan dengan adanya elemen-elemen yang dapat dikenal pasti dan diukur. Dalam hal ini, Madhok (2005) menetapkan sekurang-kurangnya ada empat elemen literasi politik, iaitu

- (i) kesedaran tentang pentingnya aktiviti dan institusi politik, kebebasan, dan peranannya,
- (ii) kemampuan untuk membuat pandangan dan kedudukan autonomi dalam proses politik dalam rangka menghasilkan suatu keputusan politik,
- (iii) Pengetahuan mengenai pemahaman, perancangan dan perbelanjaan pemerintah untuk pembangunan dan kesejahteraan orang awam,
- (iv) partisipasi dalam kegiatan politik.



Rajah 2. 11 Jumlah Pengundi PRK Dun Semenyih 2019 (Sinar Harian ,2019)

KEPUTUSAN RASMI PILIHAN RAYA KECIL DUN N.24 SEMENYIH, SELANGOR			
NAMA CALON	PARTI	BIL UNDI	STATUS
ZAKARIA BIN HAJI HANAFI	BN	19,780	MENANG
AIMAN ZAINALI	PAKATAN HARAPAN	17,866	
UNCLE KENTANG	BEBAS	725	
NIK AZIZ	PSM	847	
JUMLAH UNDIAN OLEH PEMILIH :		39,218	
JUMLAH KERTAS UNDI DITOLAK :		650	
JUMLAH KERTAS UNDI TIDAK DIKEMBALIKAN :		50	
MAJORITI :		1,914	
PERATUS PENGUNDIAN :		73.24%	

Rajah 2. 12 Keputusan Pilihanraya Kecil N24 Dun Semenyih Selangor 2019

Kewujudan literasi politik dalam kalangan masyarakat sememangnya mendatangkan kesan yang begitu signifikan kepada kualiti sistem demokrasi negara kita. Literasi politik yang berlaku akan menjadikan setiap warganegara itu tanpa mengira tahap pendidikan, jantina, umur, dan bangsa tahu akan peranan mereka dalam perjalanan pembangunan negara. Selain itu, literasi politik juga akan dapat

menyingkirkan sifat acuh tak acuh terhadap perkembangan politik negara, kerana setiap yang berlaku dalam sistem pemerintahan akan memberikan kesan secara langsung kepada masyarakat.

Dalam konteks literasi politik, ini bermakna dapat memahami politik, menyedari bentuk politik, corak politik, pemikiran politik semasa, hak asasi sebagai pengundi, dan boleh mengambil masa depan sendiri ke tangan sendiri bermaksud kebolehan untuk mengenali Hari ini, konsep literasi politik melangkaui sekadar membaca bahanberita terkini, memahami dan meneliti maklumat secara kritis, memberikan tafsiran dan perspektif, dan akhirnya kesesuaian dalam penciptaan makna. Ini membawa kepada konsep boleh berinteraksi dengan orang. Makna baharu dalam mana-mana wadah diskusi, sama ada digital atau tekstual, seperti komik, risalah, buku manifesto dan lain-lain yang membolehkan kita menilai secara kritis tanpa terkeliru dengan manifesto yang tidak relevan.

2.9 Media Sosial

Pada masa kini, secara umumnya internet dan media sosial khususnya menyediakan platform dan peluang bagi individu untuk mengumpulkan, menyebarkan dan berkongsi maklumat di kalangan pengguna internet (untuk selanjutnya dirujuk sebagai netizen). Perkongsian maklumat di media sosial adalah pantas dan murah tanpamengira jarak dan masa.

Netizen dengan itu, dapat mengutip dan mengumpul ketulinan maklumat dan dapat mengkategorikannya sebagai berniat jahat, menghasut atau khabar angin. Penilaian maklumat sedemikian akan membantu para netizen untuk membentuk garis

panduan untuk mencapai keputusan yang tepat dan tepat yang akan memberi manfaat kepada mereka.



Rajah 2. 13 Media Sosial Masa Kini

Antara media sosial yang popular dan penting untuk para netizen ialah: Facebook, YouTube, Twitter, Instagram, Google, Wikipedia, LinkedIn, Reddit dan Pinterest (Rouse, 2016). Berita dalam talian dan blog adalah fenomena terbaru bagi netizen untuk mendapatkan sumber berita dalam bidang sosial, ekonomi dan politik.

Selain media sosial, WhatsApp dan WeChat adalah media penting bagi individu untuk berkongsi maklumat dan sebagai perkhidmatan pesanan ringkas. Walaupun WhatsApp dan WeChat bukan platform media sosial tetapi boleh dikategorikan sebagai peranti ICT yang mempunyai akses ke internet.

Di Malaysia 75% pengguna internet mudah alih adalah pengguna aktif WhatsApp pada tahun 2014. Maklumat ini meletakkan Malaysia sebagai negara kedua berbanding Afrika Selatan dari segi penggunaan tertinggi peranti ICT untuk mengakses internet. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan negara-negara

maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK), peratusan mereka menggunakan peranti sedemikian untuk akses internet adalah lebih rendah, masing-masing 8% dan 34% sahaja (Statistica, 2014).

Statistik yang berkaitan dengan penggunaan media sosial oleh orang di Malaysia adalah: (1) hampir 20 juta orang secara konsisten mengakses internet; (2) lebih daripada 18 juta pengamal aktif Facebook; (3) hampir 42 juta orang adalah langganan mudah alih aktif (dengan penembusan langganan bergerak sebanyak 139%); (4) rakyat Malaysia menonton lebih banyak video di Facebook berbanding dengan negara lain (masa menonton Malaysia adalah 159 minit berbanding purata dunia sebanyak 102 minit); (5) Dari segi kedudukan tertinggi di kalangan negara yang menonton video melalui Facebook, Malaysia berada di tempat ke-10. Walau bagaimanapun, ia mengatasi kedudukan tertinggi di kalangan negara-negara Asia Tenggara (Utusan Malaysia, 2016, 26 Oktober).

Majoriti rakyat Malaysia menggunakan telefon mudah alih pintar untuk berkhidmat dilaman sosial, video dalam talian dan bermain permainan video. Kira-kira 67% daripada mereka memilih untuk menggunakan telefon pintar mudah alih untuk melayani laman web sosial, manakala mereka yang menggunakan komputer dan tabletnya 20% sahaja (Utusan Malaysia, 11 Ogos 2016).

Dari segi aplikasi You Tube, 51% penduduk mempunyai profil aktif pada tahun 2012 (David, 2013). Bagi pengguna Instagram dan Twitter pada tahun 2014, jumlahnya adalah 5.5 juta dan 3.5 juta orang masing-masing di Malaysia (David, 2015).

Dengan penggunaan internet yang intensif, sejak pengenalannya pada tahun 1995 dan pelancaran Koridor Raya Multimedia (MSC), bilangan hosting internet telah berkembang di Malaysia. Berdasarkan Pusat Maklumat Rangkaian Malaysia (MYNIC), sehingga pada September 2016, terdapat 326,619 tuan rumah internet yang berdaftar dengan MYNIC berbanding dengan yang bagi tahun 2008 dan 1995 masing-masing adalah 80,786 dan 151. Internet tuan rumah dikategorikan mengikut domain, seperti; *.my, *.com.my, *.net.my, *.org.my, *.gov.my, *.edu.my, *.mil.my, dan *.name.my.

ICT adalah medium penting untuk perkongsian maklumat dalam masyarakat maklumat. Kemajuan ICT dengan akses internet yang luas telah membolehkan masyarakat internet menyebarkan dan berkongsi pelbagai jenis maklumat. Keamatan penerapan maklumat dan status masyarakat maklumat dapat dilihat melalui liputan penerapan internet dalam masyarakat.

Ia dapat dilihat bahawa penggunaan internet di peringkat individu di Malaysia adalah tinggi, iaitu 71 peratus pada tahun 2015 berbanding dengan 21 peratus pada tahun 2000. Oleh itu, terdapat peningkatan yang ketara dalam penggunaan internet dalam tempoh 16 tahun yang lalu. Ini menunjukkan bahawa bagi setiap penduduk setiap 100,71 orang mempunyai akses internet.



Rajah 2. 14 Prestasi Kelajuan Internet Negara Asean (Asean Urbanist,2020)

Kadar liputan internet yang tinggi memberi kesan terhadap peratusan penggunaan laman media sosial. Pada masa ini, laman media sosial seperti yang popular, termasuk, Facebook, Twitter, Instagram, Snapchat, Tumblr dan You Tube. Penembusan media sosial sebagai peratusan penduduk Malaysia adalah 64% (pada akhir bulan Januari 2014). Maksudnya ialah, untuk setiap 100 penduduk, 64 mereka menggunakan laman media sosial untuk tujuan penyebaran, interaksi dan perkongsian maklumat di kalangan pengguna media sosial. Selain itu, proses perkongsian maklumat adalah pantas dan ia termasuk ciri virus laman media sosial. (David, 2015).

Penemuan dari DoS (2013) juga menunjukkan bahawa lima aktiviti internet utama individu adalah seperti (rujuk Carta 3.2): pemesejan segera (69.1%), e-mel (65.4%), sumber untuk maklumat yang berkaitan dengan komoditi dan perkhidmatan

(65.3%),muat turun filem, gambar, muzik, menonton TV dan mendengar radio atau muzik (64.6%), dan membaca atau memuat turun buku akhbar atau majalah, buku elektronik(52.1%).

Facebook, salah satu daripada laman media sosial yang paling popular di kalangan pengguna internet di Malaysia, digunakan untuk penyebaran, pengumpulan dan perkongsian maklumat. Pada tahun 2014, terdapat 10.4 juta pengguna Facebook di Malaysia dan 33% daripada mereka (bersamaan dengan 3.5 juta pengguna) berada dalam kumpulan umur 18 hingga 24 tahun (David, 2015).

Berdasarkan maklumat dari laman web pembikin sosial, di bawah kategori politik, akaun Facebook Najib Razak mencatatkan bilangan peminat tertinggi berjumlah 3.1 juta, diikuti oleh Dr Mahathir Mohamad daripada 2.5 juta. Bagi kategori media, Siakap Keli Facebook merekodkan angka 4.1 juta pengikut peminat diikuti Malaysiakini dengan 1.7 juta peminat.

Kini sukar bagi kerajaan untuk menyekat penyebaran, pengumpulan dan perkongsian maklumat dari internet. Ini kerana internet menawarkan pelbagai maklumat yang diperolehi secara dalaman dan luaran. Oleh itu rakyat dapat menganalisis dan memahami isu semasa yang meliputi unsur-unsur sosial, ekonomi dan politik. Oleh itu, Netizens dapat membuat penilaian mereka berdasarkan kepercayaan politik mereka.

Walau bagaimanapun, Netizen boleh dibuat untuk dipengaruhi atau dipengaruhi oleh propaganda ideologi melalui portal berita atau blog politik yang memihak kepada kerajaan. Oleh itu, pengaruh dan kawalan media komunikasi konvensional seperti akhbar, radio dan televisyen melalui pendapat umum boleh dikikis oleh magnitud maklumat dari internet. Oleh itu, ada persaingan untuk mencapai maklumat kepada orang-orang di antara agensi-agensi media yang dikawal kerajaan dan yang bebas.


2.10 Teori Kebergantungan Media

Berdasarkan kajian lepas, kajian jenis ini dijalankan berdasarkan teori Kebergantungan media yang diperkenalkan oleh penyelidik komunikasi Amerika Syarikat itu ditubuhkan pada tahun 1976 oleh Sandra Ball Rokeach dan Melvin De Fleur.

Secara umum, teori ini adalah benar dan cuba menyiasat kesan penggunaan media terhadap khalayak melalui interaksi antara system Sosial, media dan penonton. Teori ini mengandaikan bahawa terdapat perkaitan kebergantungan antara khalayak dan media untuk tujuan tertentu, seperti mendapat maklumat. Setiap orang mempunyai matlamat masing-masing, Dalam dunia teknologi maklumat dan telekomunikasi hari ini, penonton telah menjadi bergantung sepenuhnya kepada media untuk mendapatkan maklumat (Ball-Rokeach dan DeFleur, (1976). Mereka menambah bahawa individu cenderung bergantung kepada media untuk mendapat maklumat tentang calon politik. Khususnya, media akan membantu untuk pembuatan keputusan pengundian. Teori ini juga memberi tumpuan kepada kesan kognitif, keberkesanan dan tingkah laku yang mungkin berlaku akibat pergantungan

penonton media. Teori ini sering membimbing penyelidikan mengenai politik dan kempen pilihan raya.

2.11 Kerangka Konsep



Rajah 2. 15 Faktor Media Sosial

Kerangka konsep bagi kajian ini menunjukkan bahawa faktor media sosial memainkan peranan penting terhadap kemenangan calon pilihanraya Dun Semenyih ini disumbangkan oleh tahap literasi politik para pengundi. Tahap literasi politik dikalangan pengundi memberikan kefahaman terhadap isu-isu yang diketengahkan oleh calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya Semenyih ini.

Selain itu, jenis media sosial yang berkesan juga menyumbang kepada kemenangan calon pada pilihanraya di Semenyih dan kempen media social yang tepat dapat memberi pengaruh kepada calon dalam pilihanraya di Dun Semenyih.

Malaysia sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Sejarah awal demokrasi juga lahir daripada pemikiran politik para sarjana yang mengutamakan rakyat. Dalam pidato Gettysburgnya, Presiden Amerika Syarikat yang ke-16 iaitu Abraham Lincoln menyatakan bahawa demokrasi merupakan suatu sistem pemerintahan yang diselenggarakan dari rakyat, oleh rakyat, dan untuk rakyat.

Dari istilah dan pengertian tersebut boleh disimpulkan bahawa rakyat mempunyai kekuasaan tertinggi dalam suatu pemerintahan, dimana setiap dari individu / rakyat memiliki hak dalam memperoleh kesempatan serta hak dalam bersuara yang sama dalam upaya mengatur kebijakan pemerintahan. Dalam sistem ini, keputusan diambil berdasarkan hasil suara terbanyak.

Pilihan Raya Kecil dilihat sebagai satu pemangkin suara pengundi semasa di kawasan pilihan raya yang menyatakan sama ada mereka berpuas hati atau tidak dengan pemerintahan terdahulu. Kempen-kempen semasa pilihan raya dapat dilihat untuk mempengaruhi undian kepada sesebuah parti yang bertanding.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan secara terperinci akan proses-proses dalam kaedah metodologi. Permulaan bab adalah rekabentuk kajian, persampelan, proses kutipan data dan analisis data. Tujuan bab ini adalah untuk memberi maklumat tentang bagaimana kaedah dipilih, dikutip dan dianalisis sokongan-sokongan daripada kaedahkajian lepas.

3.2 Rekabentuk Kajian

Dalam rekabentuk kajian, terdapat 2 jenis kaedah iaitu penyelidikan kuantitatif dan kualitatif dalam proses kutipan data (Creswell, 2003). Kuantitatif dianggap sebagai tujuan utama kuantifikasi data melalui soal selidik manakala kualitatif lebih kepada kaedah temubual, pemerhatian di tempat kejadian dan pemerhatian turut serta oleh penyelidik (Pak, 2011). Data Kuantitatif membolehkan penemuan hasil dari sampel kepada seluruh penduduk yang menarik dan pengukuran kejadian pelbagai pandangan dan pendapat dalam sampel yang diberikan. Walau bagaimanapun, penyelidikan kuantitatif agak sukar untuk memahami tingkahlaku sebenar responden dalam proses kutipan data manakala penyelidikan kualitatif dianggap sesuai untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai sebab dan akibat yang berhubungan. Ia memberi pandangan tentang penetapan masalah. Pada masa yang

sama, ia sering menghasilkan idea dan hipotesis untuk kajian kuantitatif yang lebih mendalam (Pak, 2011).

Perbezaan utama antara penyelidikan kuantitatif dan kualitatif terdiri daripada sampel data, pengumpulan data, analisis data, dan terakhir ialah cara menganalisis data. Pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif berdasarkan teknik tidak berstruktur atau separa berstruktur, tetapi teknik fleksibel secara metodologi. Temubual mendalam individu atau perbincangan kumpulan yang sesuai untuk mendapatkan maklumat terperinci dan pandangan yang komprehensif. Penyelidikan kuantitatif menggunakan teknik yang sangat berstruktur seperti soal selidik dalam talian, di jalan atau telefon. Tidak seperti penyelidikan kualitatif, yang membolehkan ekspresi tanpa had daripada responden, penyelidikan kuantitatif bergantung kepada respons kepada soalan yang telah dirumuskan (Creswell, 2000). Oleh yang demikian, kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif dalam mendapatkan data yang lebih mendalam seperti yang disarankan oleh Gay & Airasian, (2000).

3.3 Persampelan

Dalam istilah penyelidikan, sampel ialah sekumpulan orang, benda, atau barang yang diambil dari populasi yang lebih besar untuk pengukuran. Sampel tersebut mestilah mewakili penduduk untuk memastikan bahawa kita boleh umumkan penemuan dari sampel penyelidikan kepada penduduk keseluruhannya (Gall, Gall & Borg 2005). Pensampelan adalah alat yang digunakan untuk menunjukkan berapa banyak data untuk dikumpulkan dan berapa kerap ia perlu dikumpulkan. Alat ini mentakrifkan sampel untuk diambil untuk mengukur sistem, proses, masalah, atau

masalah atau sebahagian daripada populasi.

Sekaran & Bougie (2016) menjelaskan pensampelan adalah penting kerana mustahil untuk memerhati, wawancara, tinjauan untuk seluruh penduduk. Satu sampel ditakrifkan sebagai subset dari populasi yang dipelajari. Pengkaji akan mendapat hasilyang mengelirukan apabila melakukan penyelidikan dengan sampel yang salah. Justeru, pengkaji memilih kaedah persampelan mudah kerana kaedah ini adalah satu kaedah persampelan bagi mendapatkan maklumat secara mudah, cepat dan berkesan. Denzin & Giardina (2018) juga menyatakan dalam kajian lepas bahawa jenispersampelan rawak mudah sesuai untuk mengkaji tentang orang awam. Oleh yang demikian, sampel kajian kualitatif ini adalah pekerja dalam pelbagai sektor dan bidangserta beberapa pegawai dalam parti politik di DUN Semenyih, Selangor. Seramai 7 orang responden yang menjadi pengundi di DUN Semenyih juga dipilih untuk ditemubual.

3.4 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur bagi mendapatkan data kajian telah melibatkan 7 responden melalui temubual secara bersemuka. Pengkaji di jangka mengambil masa selama 2 bulan bagimelakukan kutipan data kaedah temubual.

Bagi memudahkan proses pengutipan data, pengkaji akan mengutip data ketika cuti am iaitu pada hari jumaat dan sabtu kepada orang awam manakala temubual akan dijalankan pada waktu bekerja dari isnin sehingga jumaat di DUN Semenyih, Selangor. Waktu yang diperuntukkan adalah kurang daripada 30 minit untuk menjawab temubual bagi responden orang awam manakala responden di kalangan

pegawai partipolitik akan mengambil masa satu jam dengan mengemukakan soalan berstruktur dan separa berstruktur.

3.5 Kajian Rintis, Kesahihan & Kebolehpercayaan

Istilah 'kajian rintis' merujuk pra-ujian pra tertentu terhadap suatu instrumen penyelidikan tertentu seperti soal selidik atau jadual temubual. Sebuah kajian perlu dibuat kajian percubaan atau kajian rintis yang merupakan elemen penting dalam rekabentuk kajian yang baik (Sekaran & Bougie (2016). Pengkaji akan menjalankan kajian rintis untuk melihat kesahihan dan kebolehpercayaan item-item yang dibangunkan.

Ianya juga adalah untuk menilai dan mengukur akan tahap pengetahuan terhadap media sosial di kalangan orang ramai dengan jelas. Kajian rintis ini akan dibuat supaya gaya bahasa dan penggunaan masa yang sesuai untuk menjawab soal selidik dapat membantu pengkaji membangunkan satu set yang sesuai. Setelah berpuas hati dengan instrumen yang dibina dengan merujuk beberapa pakar akademik termasuk pensyarah UUM, sebanyak 5 set temubual akan diedarkan oleh pengkaji.

3.6 Analisis Data

Data Kualitatif menerusi temuduga akan menggunakan kaedah analisis tematik dengan mentranskripsikan data tersebut secara konsisten. Beberapa sarjana termasuk Denzin & Giardina (2018) turut menyatakan bahawa data kualitatif dapat menguatkan lagi hasil dapatan kajian tentang faktor media sosial dengan melihat dari pelbagai sudut seperti gaya percakapan responden, bahasa tubuh dan emosi secara terus dengan responden apabila ditemui. Hasil daripada temubual yang direkod

akan ditranskrip dengandengan analisis tematik (Creswell, 2000).

3.7 Kesimpulan

Pilihan Raya Kecil ini merupakan satu pemilihan yang diadakan secara tidak dirancang di sesuatu kawasan Dewan Undangan Negeri atau Parlimen (Abdul Rashid, 1994). Pilihan raya kecil boleh diadakan atas sebab kematian wakil rakyat kawasan berkenaan atau sebab muflis ataupun meletakkan jawatan. Pihak SPR akan menguruskan PRK sekiranya terdapat sebarang kekosongan bagi kerusi DUN dan Parlimen di Malaysia. PRK ini juga penting dalam melihat pengaruh dan kekuatan parti-parti yang bertanding dalam konteks situasi semasa terutama sokongan terhadap kerajaan yang memimpin negara.

Kekalahan PH di PRK DUN Semenyih dilihat akan memberi suntikan semangat yang kuat kepada BN dan PAS dalam perjuangan mereka untuk menumbangkan PH pada PRU-15. Hal ini membuktikan ianya menjadi suatu kemenangan moral yang memberimodal yang kuat untuk mereka mendakwa bahawa PH sudah kehilangan kepercayaan dan keyakinan rakyat. Walau bagaimanapun, kekalahan PH di PRK DUN Semenyih tidak pula bererti segalanya sudah berakhir untuk PH. Malah ianya boleh menjadi satu hikmah yang tersembunyi kepada PH untuk menerima secara dengan sikap positif dan berusaha memenuhi atau menunaikan janji-janji yang belum dilaksanakan kepada rakyat.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Kajian ini menganalisis berkenaan dengan peranan media sosial dalam mempengaruhi kemenangan calon di Dun Semenyih. Selain itu literasi politik juga dapat difahami berkenaan dengan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai seorang warga negara dalam proses demokrasi terunggul, iaitu pilihanraya umum. Pemahaman terhadap politik ini, yang juga dikenali sebagai Literasi Politik, ini semakin meningkat daripada satu pilihan raya ke pilihan raya yang lain, dan salah satu penyumbang kepada literasi politik dan pengaruh dalam pilihanraya yang dimainkan oleh keberkesanan media.

Bagi pengundi yang berusia, walaupun mereka masih menggunakan media-media tradisional seperti radio dan siaran televisyen, tetapi mereka masih mampu untuk memberikan pandangan mereka dengan begitu baik dan kritis berkenaan dengan politik tanah air. Golongan ini yang dianggap sebagai pengundi tegar BN dilihat mula-serba sedikit beralih angin.

Hal ini disebabkan oleh keadaan media tradisional itu yang dianggap sebagai tidak mampu untuk mempengaruhi mereka, terutamanya apabila menyentuh berkenaan dengan keadaan politik dan ekonomi negara. Berita-berita yang disampaikan tidak

selari dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka, menyebabkan golongan ini mulaberani untuk mempersoalkan kesahihan berita tersebut

Walaupun di lihat seperti media tradisional tidak memainkan peranan dalam meningkatkan literasi politik, tetapi hal ini sebenarnya secara tidak langsung menyedarkan masyarakat tentang hak mereka dalam mendapatkan berita sebenar tentang apa yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, ianya sebenarnya telah meningkatkan literasi politik masyarakat tersebut.

Daripada responden yang telah ditemubual, jelas menunjukkan bahawa kajian ini telah mengambil kira pendapat daripada akar umbi bagi memastikan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dapat menguruskan atau melaksanakan pilihan raya yang lebih adil, telus dan bersistematik. Selain itu, kajian ini juga secara tidak langsung dapat menyediakgambaran yang lebih menyeluruh dan komprehensif situasi sebenar terhadap pilihan raya yang telah dijalankan pada Pilihan Raya Umum (PRU) 14.

4.2 Dapatan Kajian 1: Literasi Politik

Di Malaysia terdapat beberapa elemen penting yang perlu diberi penekanan bagi melihat literasi politik pengundi dalam pelaksanaan pilihan raya. Komponen-komponen tersebut terdiri daripada:

a) Bahagian pilihan raya

Dalam sistem pilihan raya yang diamalkan di Malaysia, seseorang calon dipilih untuk mewakili penduduk-penduduk sesuatu bahagian pilihan raya di Parlimen (Pilihan Raya Umum) atau Dewan Undangan Negeri (Pilihan Raya Negeri). Sehingga kini

terdapat 222 kerusi Dewan Rakyat (Parlimen) dan 576 kerusi Dewan Undangan Negeri.

b) Pemilih

Sebagai sebahagian daripada fungsi utamanya, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) bertanggungjawab untuk mengkaji semula sempadan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri. Seperti yang tertera di dalam Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihan Raya perlu menjalankan kajian ini setiap tidak kurang daripada 8 tahun. Bagaimanapun, ia boleh ditangguhkan sekiranya terdapat peristiwa besar, seperti pilihan raya umum.

c) Calon

Satu elemen penting dalam sistem pilihan raya ialah seseorang pemilih itu mestilah mendaftar dengan Suruhanjaya Pilihan Raya sebelum dia boleh mengundi dalam pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Di Malaysia, seseorang itu layak untuk mendaftar jika dia: -

- i. warganegara Malaysia.
- ii. berumur tidak kurang daripada 21 tahun pada tarikh kelayakan;
- iii. seorang penduduk di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia; dan
- iv. tidak hilang kelayakan.

d) Proses pilihan raya

Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil bermula dengan pengeluaran writ pilihanraya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya kepada Pegawai Pengurus. Pada masa yang samasatu notis akan diwartakan, menetapkan tarikh-tarikh hari penamaan calon dan hari mengundi. Proses pilihan raya bermula dengan hari penamaan calon, kempen dan harimengundi.

4.2.1 Analisis Deskriptif (Profil Responden)

Bahagian ini adalah tertumpu kepada profil responden iaitu latar belakang responden. Jadual 4.2.1 menunjukkan profil responden yang diperolehi daripada hasil temu bual yang dijalankan. Temu bual bagi kajian ini telah dijalankan secara bersemuka (*face to face*).

Jadual 4. 1

Profil Responden

Bil	Nama	Umur	Pekerjaan	Kategori
1	Ahmad bin Salleh	33	Pengawal Keselamatan	Pengundi Biasa
2	Mohd Saiful bin Senapi	57	Kontraktor	Pengundi Biasa
3	Mohd Rosli bin Idris	55	Kontraktor	Pengundi Biasa
4	Mustafa bin Hussain	49	Juruelektrik	Pengundi Biasa
5	Ahmad Roslan bin Zulkifli	38	Polis Bantuan	Pengundi Pos (Dalam Negara)
6	Mohd Malik bin Hassan	45	Guru	Pengundi Biasa
7	Mohd Lokman bin Sulaiman	29	Usahawan	Pengundi Biasa

4.2.2 Temubual:

Responden 1

‘...Saya merasakan karakter dan sikap sebahagian pemimpin yang pentingkan diri dan hanya melihat kepada survival politik semata-mata bukan satu yang baik di mata rakyat...’.

‘...Isu-isu yang diketengahkan khususnya oleh calon bertanding dalam pilihanraya dun Semenyih ini amat relevan khususnya yang banyak menyentuh hal kebajikan rakyat di Semenyih ini. Selain itu, latar belakang calon yang mempunyai pengalaman dalam menyelesaikan beberapa masalah berkaitan kebajikan penduduk di sini akan menjadi panduan kepada penduduk di sini untuk mengundi calon tersebut...’.

(Ahmad bin Salleh, 33 tahun)

Responden 2

‘...Rakyat perlukan pemimpin yang cakna kepada masalah rakyat bukan hanya berpolitik setiap masa. Apabila pemimpin terlalu berpolitik maka mereka akan hilang fokus dalam membela nasib rakyat.’

‘...Saya berpendapat proses pilihanraya yang telah ditetapkan oleh SPR adalah bersesuaian dan tempoh kempen yang diperuntukkan kepada setiap parti-parti politik yang bertanding dalam pilihanraya kecil Semenyih ini adalah mencukupi. Pengundi akan dapat menilai setiap manifesto calon-calon yang bertanding yang akan memberi manfaat kepada penduduk di sini...’

(Mohd Saiful bin Senapi, 57 tahun)

Responden 3

‘...Sebagai pengundi disini, kita mahukan pemimpin yang matang dari sudut umur dan personaliti supaya pemimpin ini lebih memahami kehendak pengundi seperti kami disini...’

‘.... Saya juga berpandangan bahawa pilihanraya di dun Semenyih ini bukan hanya soal calon tetapi bagaimana para pengundi disini menterjemahkan undi mereka berdasarkan kefahaman mereka terhadap isu-isu setempat dan juga isu-isu nasional dalam membuat keputusan pengundian dalam pilihanraya kali ini...’

(Mohd Rosli bin Idris, 55 tahun)

Responden 4

‘Pengundi masa kini selalu akan merujuk informasi atau maklumat politik dari media sosial atau secara digital. Pengundi merasakan medium ini sangat mudah dan cepat untuk mendapatkan maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti pemimpin yang juga calon dalam pilihanraya’.

‘...gerak kerja setiap calon yang bertanding dinilai dalam setiap posting mereka Ketika berkempen dan aktiviti berjumpa dengan para pengundi disini. Gerak kerja yang serius dan bersungguh-sungguh dapat memberi impak kepada keputusan pengundian...’

(Mustaffa bin Hussain, 49 tahun)

Responden 5

‘...antara isu yang menjadi bualan sekarang ialah susah mendapat kerja, jadi pemimpin walau dari mana-mana parti mesti meletakkan masalah peluang pekerjaan kepada rakyat sebagai satu aspirasi politik dan kepimpinan mereka jika mereka mahu rakyat menyokong perjuangan mereka...’

‘...selain itu penetapan pilihanraya yang diselaraskan oleh SPR ini adalah bersesuaian dan walaupun kelayakan calon untuk bertanding adalah rakyat Malaysia namun calon tempatan adalah pilihan yang terbaik buat dun Semenyih ini kerana mudah memahami kehendak penduduk di sini...’

(Ahmad Roslan bin Zulkifli, 38 tahun)

Responden 6

‘.... Sebagai kami mahukan pemimpin yang bersih dan tidak terlibat dengan mana-mana kes rasuah atau integriti mereka dipersoalkan. Pemimpin yang ada integriti akan membawa keadaan negara yang lebih baik...’

(Mohd Malik bin Hassan, 45 tahun)

Responden 7

‘Pemimpin yang tidak turun padang dan hanya muncul pada pilihanraya tidak akan menjadi pilihan kepada golongan muda. Pemimpin macam ini hanya pentingkan diri dan menagih undi hanya pada pilihanraya. Jika tiada pilihanraya, batang hidung puntak nampak’.

(Mohd Lokman bin Sulaiman, 29 tahun)

4.2.3 Temubual Kumpulan Berfokus

Temubual kumpulan berfokus yang telah diadakan menunjukkan bahawa responden-responden ini bersetuju bahawa:

- Pengundi mahukan pemimpin yang berintegriti dan amanah mewakilimereka.
- Pengundi mahukan isu peluang pekerjaan diberi perhatian serius.
- Pengundi mahu pemimpin sentiasa ada di kawasan mereka dan mudah didekati.

- Pengundi mahukan pemimpin yang menjaga kebajikan rakyat.

Merujuk kepada pandangan responden terhadap sentimen rakyat kepada senario politik semasa pada masa sekarang, majoriti responden tidak gembira dengan senariopolitik sekarang. Majoriti responden menyatakan kemarahan terhadap isu pemimpin politik yang bersikap penting diri, tidak matang dan banyak bertelagah menyebabkan situasi politik tidak harmoni. Rakyat juga sudah tidak sependapat kerana perbezaan pandangan politik yang menjurus kepada perpecahan rakyat. Ramai rakyat berasa marah kerana isu kos sara hidup yang semakin meruncing sepatutnya diberi keutamaan demi kesejahteraan rakyat dan bukannya mencapai kepentingan politik masing- masing.

4.2.4 Analisis Kandungan

4.2.4.1 Literasi Politik Anak Muda (ABIM, 26 Mac 2022)



Rajah 4. 1 Keratan Akhbar

4.3 Dapatan Kajian 2: Pola Pengundian Media Sosial

4.3.1 Temubual:

Responden 1

‘...Bagi saya selaku pengundi, saya mahukan parti yang memimpin kerajaan adalah parti yang mempunyai nilai integriti yang tinggi dan tidak terlibat dengan rasuah...’

‘...Saya banyak membuat penilaian berdasarkan pembacaan maklumat dalam posting-posting di facebook berkaitan pilihanraya di Semenyah...’

(Ahmad bin Salleh, 33 tahun)

Responden 2

‘...Saya membuat penilaian dalam media sosial seperti facebook dan whatsapp. Saya cenderung memilih pemimpin atau parti yang membela nasib rakyat dan bersifat demokratik. Pemimpin yang demokratik dapat menjadi pemimpin kepada semua kaum dalam negara kita...’

(Mohd Saiful bin Senapi, 57 tahun)

Responden 3

‘...Saya pasti akan mengundi dengan melihat dasar-dasar parti yang lebih terbuka kepada pembangunan negara, perpaduan negara dan kebajikan rakyat terpelihara. Dasar parti yang dinamik menarik perhatian pengundi macam saya’.

‘...Selain itu saya banyak mendapat kefahaman dan maklumat berkaitan dasar-dasar dan manifesto setiap parti bertanding dalam facebook parti ataupun calon yang bertanding...’

(Mohd Rosli bin Idris, 55 tahun)

Responden 4

‘...Setiap kali pilihanraya adalah peluang kepada saya untuk mengundi menentukan masa depan negara, hak mengundi ini memberi keyakinan kepada saya untuk terlibat dalam politik dan pembangunan negara dengan lebih serius.’

‘...Saya akan membuat penilaian setiap sudut seperti latarbelakang calon, dasar-dasar parti, maklumat-maklumat dan isu-isu dalam pilihanraya melalui media sosial seperti facebook, Instagram dan whatsapp...’

(Mustaffa bin Hussain, 49 tahun)

Responden 5

‘...Saya mahukan negara yang stabil dari segi politik dan ekonomi. Negara yang stabil hanya dapat diwujudkan dengan adanya kerajaan yang stabil. Kerajaan yang stabil akan dapat menguruskan ekonomi negara dengan baik. Jadi saya akan memilih kerajaan yang dapat menjaga hak dengan adil dan saksama seluruh rakyat malaysia yang berbilang kaum. Penilaian boleh dibuat dengan mendapat maklumat yang tepat dan sahih melalui perbandingan melalui beberapa media sosial seperti Facebook, Instagram dan Whatsapp...’

(Ahmad Roslan bin Zulkifli, 38 tahun)

Responden 6

'...Sebagai pengundi, saya akan mengundi dan cenderung untuk memilih parti yang turut menjadi pilihan keluarga saya. Saya merasakan keluarga mempunyai pengalaman dan perkongsian maklumat parti-parti yang bertanding dan membantu saya dalam membuat keputusan dalam pengundian memilih pemimpin yang akan memimpin dalam pilihanraya. Selain itu saya turut berbincang dengan ahli keluarga isu-isu politik ini setelah mendapat maklumat melalui media sosial facebook dan whatsapp...'

(Mohd Malik bin Hassan, 45 tahun)

Responden 7

'...Saya cenderung memilih parti-parti yang dominan dan yang telah mempunyai nama dalam arena politik negara. Sekarang banyak parti-parti baru yang kecil ditubuhkan dan sukar untuk pengundi kenal pasti parti-parti sebegini. Jadi parti-parti yang mudah diingat akan lebih mudah untuk kami undi khususnya parti-parti yang banyak aktiviti yang ditunjukkan dalam media sosial seperti facebook...'

(Mohd Lokman bin Sulaiman, 29 tahun)

4.3.2 Temubual Kumpulan Berfokus

Temubual kumpulan berfokus yang telah diadakan menunjukkan bahawa responden-responden ini bersetuju bahawa:

- Pengundi mahukan kerajaan yang stabil.
- Pengundi mahukan pemimpin atau parti yang berintegriti.
- Pengundi mahu pemimpin yang tidak terlibat rasuah.
- Pengundi mahu kerajaan yang dapat menjaga hak rakyat berbilang kaum

dalam negara ini.

- Pengundi menggunakan media sosial seperti Facebook, Whatsapp dan Instagram dalam memperolehi maklumat-maklumat berkaitan calon, parti dan pilihanraya.

Tiga tema utama telah ditemui berdasarkan ulasan responden yang memberi jawapan “memilih pemimpin yang berintegriti”. Tiga tema tersebut ialah “tanggungjawab”, “mahu melakukan anjakan baru Malaysia”. Rata –rata responden dalam kumpulan ini mengatakan yang mengundi adalah tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia untuk memelikh pemimpin berintegriti.

Ulasan kedua terbanyak adalah berkaitan anjakan yang mereka ingin lakukan melaluipilihan raya. Responden dari tema ini mengharapkan sesuatu yang lebih baik selepas pilihan raya berlaku dengan harapan adanya pemimpin dan kerajaan yang cekap dan bertanggungjawab. Selebihnya ulasan yang diberikan responden menunjukkan merekaingin pergi mengundi untuk sama-sama terlibat menggunakan hak mereka sebagai rakyat Malaysia.

Ulasan untuk melakukan perubahan, memilih pemimpin berintegriti, memilih pemimpin dan Kerajaan bertanggungjawab adalah ulasan berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi pengundi-pengundi ini melalui media sosial facebook dan whatsapp yang merupakan media sosial pilihan kepada pengundi.

4.3.3 Analisis Kandungan

4.3.3.1 Statistik Pengguna Whatsapp (Financial Times,2018)



Rajah 4. 3 Jumlah Pengguna Whatsapp

Berdasarkan statistik diatas jelas menunjukkan bahawa media sosial dan aplikasi yang menjadi pilihan penduduk di dunia adalah Facebook, Whatsapp dan Instagram. Ulasan dan kenyataan responden-responden dalam kajian ini juga selari dengan kedudukan statistik ini apabila semua responden menggunakan media sosial facebook diikuti whatsapp dan Instagram dalam memperolehi maklumat berkaitan pilihanraya khususnya di Dun Semenyih.

4.3.3.2 Statistik Penggunaan Media Sosial (The New Social Global, 2018)



Rajah 4. 4 Aplikasi Poupular

Berdasarkan Statistik daripada The New Social (TNS) Global 2018 telah menunjukkan bahawa Malaysia merupakan negara yang popular dalam penggunaan media sosial dan aplikasi seperti whatsapp dan Facebook. Hal ini jelas selari dengan kenyataan dalam temubual yang dijalankan kepada responden-responden yang terlibat. Jelas menunjukkan bahawa proses mendapatkan maklumat berkaitan pilihan raya adalah bersumberkan media sosial seperti facebook dan whatsapp.

4.4 Dapatan Kajian 3: Media Sosial Sebagai Platform Komunikasi Politik

4.4.1 Temubual:

Responden 1

'.... Sebagai pengundi, saya lebih selesa mendapatkan maklumat melalui internet. Pusat internet luar bandar dan maklumat di telefon bimbit. Saya juga mendapat kesedaran pentingnya mengundi melalui media sosial. Selain itu media sosial membolehkan saya mengeluarkan pandangan berkaitan politik di akaun facebook saya... '.

(Ahmad bin Salleh, 33 tahun)

Responden 2

'...Saya banyak menghabiskan masa melayari internet melalui telefon pintar bagi mendapatkan pelbagai maklumat. Saya dapat maklumat berkaitan mengundi, pemimpin yang bertanding dalam pilihanraya semuanya dari media sosial Facebook. Saya akan buat keputusan dalam pilihanraya berdasarkan maklumat facebook yang saya perolehi dari laman calon bertanding dan laman parti bertanding... '.

(Mohd Saiful bin Senapi, 57 tahun)

Responden 3

'...Saya rasa lebih mudah memberi pendapat atau bagi cadangan kepada pemimpin atau calon pilihanraya yang ingin saya pilih melalui facebook dan instagram. Cadangan atau suara saya lebih mudah disampaikan melalui media sosial ini... '.

(Mohd Rosli bin Idris, 55 tahun)

Responden 4

'...Saya merasakan media sosial seperti facebook page calon pilihanraya ini dapat memberi panduan untuk kami pengundi untuk mengundi. Kami dapat melihat aktiviti calon buat untuk menjaga kebajikan rakyat. Disitu akan kami nilai dan buat keputusan dalam pengundian...'

(Mustaffa bin Hussain, 49 tahun)

Responden 5

'...Saya selaku pengundi lebih tertarik kepada video-video penerangan calon pilihanraya dalam media sosial seperti facebook, instagram dan tiktok. Video-video ini lebih mudah menarik perhatian kami dan memberi maklumat yang mudah kami fahami. Selain itu saya masih menonton TV untuk mendapatkan maklumat politik tanah air...'

(Ahmad Roslan bin Zulkifli, 38 tahun)

Responden 6

'...Saya membuat keputusan dengan menilai pelbagai sumber maklumat seperti media cetak, media elektronik dan media sosial. Ketiga-tiga sumber ini memberi keyakinan kepada saya dalam membuat keputusan memilih pemimpin yang tepat pada pilhanraya nanti...'

(Mohd Malik bin Hassan, 45 tahun)

Responden 7

'...Sebagai pengundi, saya mengikuti blog-blog politik yang menyediakan pautan di media sosial seperti facebook dan instagram. Perbincangan blog politik dan juga status yang dimuatnaik seperti astro awani memberi maklumat yang jelas kepada saya berkaitan politik negara dan pilihanraya khususnya isu-isu di Semenyah...'

(Mohd Lokman bin Sulaiman, 29 tahun)

4.4.2 Temubual Kumpulan Berfokus

Temubual kumpulan berfokus yang telah diadakan menunjukkan bahawa responden- responden ini bersetuju bahawa:

- Pengundi menggunakan media sosial lebih mudah mendapat maklumat politik.
- Pengundi cenderung membuat keputusan pengundian berdasarkan video - video yang di paparkan dalam media sosial.
- Pengundi mahu pemimpin yang mudah berkomunikasi dalam media sosial.
- Pengundi muda mahu pemimpin atau parti yang bertanding berkongsi maklumat aktiviti pemimpin atau parti tersebut dalam media sosial.

Selain itu, Responden lebih bergantung kepada medium media elektronik kerana setiapisi rumah mempunyai televisyen dan ia menjadi sumber politik semasa yang utama serta kesahihan berita dari agensi kerajaan dan organisasi yang rasmi dan tepatberbanding sumber media yang lain. Media elektronik paling banyak dipilih adalah TV3 dengan jumlah peratusan sebanyak 76%. TV3 adalah saluran televisyen yang paling mudah didapati untuk ditonton dan juga dianggap saluran televisyen

tempatan buletin berita popular yang lebih konsisten.

Pada masa kini Internet sebagai sistem rangkaian global dunia merupakan sebuah sistem yang amat penting di seluruh dunia. Malaysia juga tidak ketinggalan dalam penggunaan sistem tersebut. Seiring dengan perkembangan penggunaan Internet di Malaysia, rakyat Malaysia dilihat begitu aktif menggunakan Internet untuk mencari maklumat, akses kepada mediasosial dan hiburan (SKMM, 2014, hlm.25).

Potensi Internet untuk menjejaki pengguna baru sama ada dari segi kewangan atau idea baru sedang berkembang hebat di seluruh Asia Pasifik. Di Asia Pasifik khususnya Malaysia telah menyaksikan pembangunan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi secara pesat yang menjadikan rantau Asia Pasifik sebagai pendokong kuat kepada perkembangan teknologi maklumat yang melahirkan ramai pengguna dan pengusaha baru di alam maya (Ramcharan, 2013, hlm.4).

Penggunaan Internet secara meluas telah berjaya melahirkan satu bentuk pendekatan media baharu yang disebut sebagai media alternatif. Laporan bertajuk Malaysia profile –Mediaoleh BBC Newspada 28 Oktober 2015 melaporkan bahawa Internet di Malaysia telah menjadi landasan perbincangan dan ruangan untuk mendedahkan skandal politik, terutamanya kes rasuah. Pendedahan ini seterusnya telah menyebabkan rakyat Malaysia semakin aktif dalam mengakses masuk ke dalam ruangmaya untuk mencari maklumat.

Secara tidak langsung mereka telah terlibat dalam perbincangan politik yang disebut sebagai komunikasi politik. Komunikasi politik bermaksud, perbincangan tulen tentang peruntukan sumber awam (pendapatan), pihak berkuasa rasmi (yang diberi kuasa untuk membuat keputusan undang-undang, perundangan dan eksekutif), dan sekatan rasmi (ganjaran atau dendaan negara) (Denton & Woodward, 1998). Definisi ini dilihat sejajar dengan bentuk-bentuk komunikasi politik yang boleh ditemui dalam laman sesawang dan blog tertentu di Malaysia. Sebagai contoh, maklumat berkaitan isu 1Malaysia Development Berhad dalam laman sesawang Malaysia Kini, yang bertajuk 'New 1MDB board must find out what happened to US\$7 billion' yang ditulis pada 1 Jun 2016.

Sebenarnya, partisipasi dalam komunikasi politik ini dilihat seiring dengan prinsip demokrasi yang diamalkan di Malaysia. Pendekatan yang digunakan oleh masyarakat Malaysia pula telah menjadikannya lebih menarik. Hal ini berikutan dengan penggunaan aplikasi media sosial yang lebih meluas dalam kalangan pengguna Internet. Aplikasi media sosial seperti Facebook dan Twitter merupakan contoh media alternatif popular yang digunakan oleh masyarakat Malaysia.

Penggunaan media sosial, bukan sahaja popular dalam kalangan masyarakat malahan dalam kalangan pemimpin politik juga. Kebanyakan pemimpin politik memiliki akaun media sosial mereka sendiri. Hal ini memudahkan interaksi antara kedua-dua aktor politik, iaitu pemimpin dan rakyat.

Berdasarkan pemerhatian, aktiviti trolling politik semakin menular dalam rangkaian media sosial. Trolling politik ini bukan sahaja boleh diakses melalui Facebook, Twitter dan rangkaian media sosial lain malahan aplikasi WhatsApp yang boleh dimuat turun dalam telefon pintar. Hal ini menunjukkan bahawa fenomena ini bukan sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Namun, kajian berkenaan trolling politik sukar untuk didapati. Kajian yang membincangkan isu trolling politik kebanyakannya adalah dalam bentuk laporan berita dan blog.

Kajian mengenai satira politik telah dijalankan ke atas banyak negara. Antara kajian tersebut adalah *Funny, Ha-Ha: The Impact of User-Generated Political Satire on Political Attitudes* oleh Rill dan Christopher (2013) di Amerika Syarikat, *The impact of online user-generated satire on young people's political attitudes: Testing the moderating role of knowledge and discussion* oleh Lee (2014) di Hong Kong dan banyak lagi.

Rata-rata satira politik ini memaparkan imej yang negatif. Kenyataan ini disokong melalui kajian *Funny, Ha-Ha: The Impact of User-Generated Political Satire on Political Attitudes*, premis asas satira menekankan aspek-aspek sasaran negatif dan gambaran negatif. Ini boleh menjejaskan perasaan penonton untuk menjadi lebih sinis terhadap ahli politik (Rill et al., 2013).

4.4.3 Analisis Kandungan

4.4.3.1 Tangkap Layar Komunikasi Politik Semasa PRK Dun Semenyih



Rajah 4. 5 Tangkap Layar Komunikasi Politik Semasa PRK Dun Semenyih

Berdasarkan tangkap layar berikut jelas menunjukkan bahawa para pengundi menggunakan platform media sosial bagi memberi pandangan dan pendapat dan jugamenunjukkan komunikasi politik mereka secara langsung dengan memberi komen kepada laman calon yang bertanding dan juga laman parti-parti bertanding khususnya pada pilihanraya kecil DunSemenyih 2019

BAB LIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Rumusan

Kehadiran media baharu iaitu media sosial telah membukadimensi yang lain dalam penyampaian maklumat dan berita berkenaan dengan politik kepada pengundi. Kini, media bukannya hanya berperanan sebagai penyampai maklumat jenis sehalu, bahkan sudah mengorak langkah lebih daripada itu lagi.

Dengan kebergantungan masyarakat terhadap berita-berita politik negara terletak di bahu media-media ini, maka pihak yang berjaya untuk memanipulasi kebergantungan ini akan berjaya untuk mendapatkan perhatian dan sokongan daripada rakyat. Kedinamikan pendapat dan perbincangan yang berlaku dalam media, terutamanya media sosial akan membuka mata dan pemikiran rakyat untuk lebih dekat dengan keadaan politik negara apabila rakyat sendiri yang menjadi hakim kepada maklumat dan isu-isu yang cuba disampaikan.

Perkembangan teknologi dalam era digital dan penerapan media sosial dalam politik siber telah memudahkan parti politik mempengaruhi pengundi untuk menyokong mereka dalam pilihan raya. Penggunaan politik siber yang lebih meluas melalui mediasosial telah memberi kesan kepada landskap politik negara.

Media sosial merupakan antara alat penting untuk kempen pilihan raya yang pantas dan murah untuk mendapatkan sokongan politik. Parti politik yang menggunakan media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube dan Twitter dan peranti ICT seperti WhatsApp dan WeChat untuk tujuan kempen dan propaganda mengenai peranan mereka dalam pembangunan negara.

Maklumat yang disebarkan oleh parti politik juga boleh mempengaruhi pandangan para pengundi/netizen. Pengundi/netizen yang dipengaruhi oleh maklumat yang diberikan oleh parti-parti politik yang menjalankan pemerintahan mungkin berat sebelah untuk mendukung pemerintah. Begitu juga, pengundi/netizen boleh menyokong parti pembangkang sebagai kerajaan alternatif jika dipengaruhi oleh maklumat mereka.

Maklumat betul yang diberikan oleh parti politik melalui media sosial mungkin memberi kesan positif kepada pengundi, dengan itu, ianya membuat keputusan yang baik. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat maklumat dengan unsur negatif di mana media sosial dimanipulasi dan maklumat diputarbelitkan untuk maklumat yang diarahkan ke pesaing parti untuk mendapatkan undi dan memenangi pilihan raya. Pengundi perlu berhati-hati apabila mengumpul maklumat dari pelbagai bentuk mediasosial supaya mereka dapat mengelakkan membuat keputusan yang salah yang mungkin tidak bermanfaat.

Platform media sosial terutama Facebook semakin hari semakin menjadi tumpuan sebagai 'pusat maklumat' rakyat Malaysia terutama pada kempen Pilihan Raya Kecil Dun Semenyih ini.

Kajian yang paling terperinci dibuat oleh Ilham Centre. Mengikut dapatan kajian yang dilakukan secara tatap muka membabitkan 378 responden meliputi semua segmentasi kaum, jantina dan umur pengundi serta lokaliti di DUN Semenyih, Ilham Centre membuat kesimpulan bahawa BN akan meraih kemenangan.

Jadi pada keseluruhannya bolehlah kita katakan keputusan PRK DUN Semenyih menepati ramalan awal pemerhati politik termasuk badan kajian seperti Ilham Centre. Artinya keputusan tersebut tidaklah mengejutkan kita yang mengikut perkembangan politik negara dengan penuh prihatin melalui khususnya kempen di media social.

Ledakan maklumat berlaku pantas, berita demi berita disebarkan mengenai suasana dan isu semasa di seluruh negara. Ia menepati bahawa PRU-14 akan berbentuk 'Pilihan Raya Facebook' atau 'Facebook Election'. Ia amat terbukti dengan jenis ledakan maklumat daripada pelbagai sumber dan jumlah maklumat berkaitan yang dimuatkan dalam platform berkenaan.

Facebook akan terus menjadi perhatian media arus perdana, sama ada media penyiaran atau media cetak untuk memuatkan maklumat terkini secara langsung menerusi platform dalam talian.

Portal media persendirian juga ada versi Facebook dan 'live update' masing-masing, tidak ketinggalan media antarabangsa seperti Bloomberg Asia dan The Straits Times Singapura yang turut menyiarkan berita mengenai pilihan raya di Malaysia.

Dalam pilihanraya di Semeniyh ini, semua calon memuatkan aktiviti mereka, juga secara langsung untuk menyebarkan rakaman ucapan serta keratan kenyataan di Twitter dan aplikasi WhatsApp yang dimuatnaik dalam Facebook serta meraih banyakkomen netizen.

Sememangnya, media sosial mempunyai impak yang signifikan pada pilihanraya di kecil Dun Semeniyh ini ketika penggunaan media baharu masih pada peringkat awal dan aplikasinya masih dalam proses adaptasi penggunaan.

Kini, penggunaan telefon pintar semakin bertambah, sekali gus mempercepatkan proses penerimaan maklumat menerusi aplikasi versi 'mobile'. Hampir keseluruhan parti politik mempunyai 'page' tersendiri, seperti juga calon yang bertanding, selain kandungan debat manifesto antara parti serta emosi penyokong dan pengundi dimuat naik segera dalam Facebook. Kita sudah mencapai ke satu tahap di mana calon politiktelah matang dalam penggunaan platform media sosial untuk hujahan politik.

Ahli-ahli politik tahu dan arif betapa kuatnya media sosial untuk meraih sokongan pengundi serta bagaimana ia boleh mencorakkan pendapat awam ke dalam bentuk bilangan 'likes' dan 'shares' yang kemudian boleh menjadi undi. Hampir keseluruhan calon politik mengenal pasti bagaimana media sosial mampu menjangkau setiap lapisan pengundi berpotensi walau di mana pun kumpulan berkenaan berada. Selain itu dapat dilihat bagaimana calon menggunakan media sosial seperti Facebook dan Twitter untuk berbincang terus dengan pengundi mereka mengenai pelbagai isu.

Perpaduan antara kaum di Malaysia merupakan elemen terpenting bagi memastikan negara kita sentiasa berada di paksi yang selamat, aman damai serta penting bagi memudahkan penjana pembaharuan di dalam pelbagai sektor terutamanya sosial dan ekonomi. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan kesejahteraan dan keamanan negara sentiasa terpelihara dengan cara saling hormat menghormati sesama manusia dan peka ke atas sensitiviti setiap lapisan masyarakat. Perpaduan boleh diibaratkan nyawa sesebuah negara.

Runtuhnya perpaduan maka hancurlah negara tersebut. Dalam hal ini media sosial memainkan peranan yang sangat besar dalam memupuk semangat cintakan tanah air dan tidak sesuka hati menimbulkan isu-isu panas yang dibangkitkan semata-mata demi menjana keuntungan tanpa memikirkan impaknya kepada rakyat dan negara khususnya. Kerajaan harus bijak mengurus teknologi kerana disebabkan kelemahan Kerajaan maka sesuatu agenda yang sepatutnya memihak kepada kerajaan telah beralih kepada parti pembangkang.

Blog adalah alat yang boleh mempengaruhi minda pembaca dan mampu mencetuskan pembujukan dan menentukan agenda terhadap masyarakat. Masyarakat haruslah mengamalkan sedikit self-censoring (kawalan sendiri) untuk menjadikan sesuatruangan forum dalam blog ini lebih baik seiring dengan etika dan kepatuhan berkomunikasi.

Di samping itu, minda penerima teknologi harus dibentuk secara positif supaya mereka dapat menerima dan menyebarkan maklumat dengan bijak. Media dan politik tidak boleh dipisahkan kerana sejarah juga telah membuktikan kemajuan

teknologi boleh menaik dan menjatuhkan sesebuah kerajaan. Ini dapat kita lihat melalui kejatuhan kerajaan Filipina di bawah kepimpinan Estrada. Manakala kemenangan Presiden Amerika, Barrack Obama dapat dinilai dari awal hasil undian melalui internet.

Keharmonian politik tanah air memainkan peranan penting dalam membentuk sebuah negara yang aman serta makmur dan bagi memupuk nilai perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Perpaduan kita dapat dicapai apabila wujudnya kesepakatan dalam politik di negara ini. Inisiatif yang diambil dalam mewujudkan kestabilan politik adalah penting dalam mewujudkan perpaduan.

Kita harus berusaha untuk mengurangkan perbezaan pendapat dan kefahaman politik dan berusaha untuk lebih fokus kepada isu-isu berkaitan rakyat. Tambahan lagi pada masa ini, rakyat sangat perlu dibantu tatkala pandemik menyukarkan kehidupan kebanyakan rakyat Malaysia.

Sememangnya keperluan untuk menghayati Rukun Negara yang akan menjadi agen penyatuan masyarakat Malaysia. Untuk memperkasakan perpaduan dan mewujudkan warganegara yang lebih bersifat cintakan negara, Rukun Negara harus disebarkan kepada semua rakyat negara ini.

Rukun Negara perlu menjadi teladan dan pedoman rakyat. Ia tidak boleh hanya sekadar laungan di bibir ketika majlis perasmian semata. Rukun Negara harus dihayatikan dijadikan panduan hidup rakyat Malaysia.

Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa yang sedang membangun dengan pesat, semestinya mahu mencapai matlamat yang telah dibuat dengan jayanya tanpa dihalangoleh konflik antara kaum. Mengenai perpaduan dan konsep negara-bangsa merupakan satu mekanisme yang dilihat mempunyai suatu matlamat untuk dikongsi bersama, iaitu berjaya mencapai Hasrat negara untuk mencapai wawasan sebagai status negara maju. Namun begitu, pelaksanaannya haruslah dikaji dan dirancang terlebih dahulu tanpa melaksanakan secara tergopoh-gapah kerana ini akan mengakibatkan kekeliruan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, konsep perpaduan memerlukan jangka masa yang panjang untuk melihat keberkesanan, namun perkembangannya boleh dibuat dengan membuat penilaian dan pemantauan dari masa ke semasa.

Ini merupakan suatu inisiatif dalam menghadapi cabaran pelaksanaan konsep perpaduan agar matlamat penubuhannya berjaya dicapai untuk memperkasakan perpaduan antara kaum dalam usaha mengecapi perdamaian positif, yakni boleh hidup dalam keadaan aman dan harmoni tanpa sebarang persepsi negative dan pandangan stereotaip di Malaysia, dan seterusnya mampu bersama-sama membangunkan negara menuju ke arah Wawasan 2020.

5.2 Cadangan

Calon dan penyokong semua parti yang mengambil bahagian dalam pilihan raya itu dinasihatkan agar tidak melakukan aktiviti yang akan menimbulkan kemarahan, penolakan, sentimen kebencian, perkauman dan menyalahgunakan saingan politik. Malah, agenda utama portal pro-pembangkang adalah untuk bertindak sebagai alat propaganda untuk mencemarkan kerajaan. Selain itu, beberapa portal cuba memperlihatkan bahawa Malaysia berada dalam kegelisahan, musnah dan keadaan gagal.

Kebangkitan media sosial telah membawa kepada pembaharuan dalam media. Sebagai contoh, terdapat penciptaan Facebook, MySpace, LinkedIn dan Twitter ialah inovasi rangkaian baharu yang menimbulkan kekecohan sejak Google dilancarkan pada tahun 1998 (Alejandro, 2010). Juga dengan ciri hebat dan tahap kebebasan dalam berkongsi video, foto dan status memastikan aplikasi sosial semakin mendapat tempat di hati pengguna.

Bukan itu sahaja, kepantasan media sosial dalam menyebarkan maklumat secara meluas juga telah meningkatkan dan mencetuskan fenomena viral yang membenarkan perkongsian sebarang maklumat tersedia untuk semua orang. Fasa tertentu telah bermula dengan pengumuman pilihan raya pertama di media sosial di Malaysia baharu dalam kancah politik negara. Kalau masyarakat menerimanya sekali sesuatu yang baharu dalam media arus perdana, tetapi kini semua orang mempunyai peluang ini. Carian dapat berita terkini di media sosial.

Walau bagaimanapun, mengenai kebebasan maklumat, orang ramai juga terdedah kepada maklumat yang memanipulasi dan menggunakan sumber berita untuk mendapatkan undi. Berdasarkan hasil kajian dan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa kajian ini telah berjaya mencapai matlamatnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden sangat mengambil berat tentang maklumat-maklumat yang terdapat di media sosial dan pemahaman mengenai garis panduan media sosial terutamanya literasi politik. Bukan itu sahaja, responden yang ditemuduga menyatakan minat mereka membaca berita atau maklumat tentang calon politik yang telah dikongsi di media sosial.

Dari satu segi, ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa media sosial yang menjadipilihan utama pengundi dan mereka prihatin dengan apa yang dipaparkan di media sosial tentang pelbagai perkara dengan dasar semasa. Dengan adanya kajian sebegini, ia secara tidak langsung dapat membantu parti-parti bertanding dalam pilihanraya untuk memahami media sosial yang menjadi pilihan pengundi.

Kerajaan mesti memantau kredibiliti maklumat dan sumber berita, jadi maklumat yang diberikan tidak menjejaskan kredibiliti mana-mana pihak, terutamanya golongan kerajaan.

Selain itu, Kerajaan perlu melihat isu berkaitan perpaduan yang tergugat melalui kempen keterlaluan melalui media sosial. Perpaduan rakyat adalah satu isu yang paling penting untuk diberi perhatian dan dititik beratkan. Perpaduan merupakan konsep ilmiah yang mempunyai pengertian luas. Perpaduan merupakan satu keperluan yang tidak dapat dipisahkan oleh mana-mana masyarakat dalam sesebuah

negarademokrasi.

Pelbagai masalah yang timbul akibat daripada tiada persefahaman antara masyarakat yang terdiri daripada berbilang bangsa, agama, bahasa dan adatresam. Malaysia adalah sebuah negara bermasyarakat majmuk yang mempunyai penduduk pelbagai kaum dan golongan etnik yang mempunyai ciri-ciri dan identiti yang berbeza.



Rajah 5. 1 Keratan Akhbar Peristiwa 13 Mei 1969

Walaupun dasar perpaduan yang khusus tidak wujud pada zaman penjajahan, namun rakyat negara ini tetap dapat hidup dengan aman. Namun keamanan ini telah tergugat dengan terdetusnya salah faham antara kaum. Pertelingkahan dan pertikaian kaum ini menjadi buruk apabila terdetusnya peristiwa sejarah pada 13 Mei 1969.

Peristiwa selepas kejadian itu keputusan pilihanraya umum diumumkan di mana Parti Perikatan telah mendapat kemenangan tetapi dengan majoriti kurang memuaskan untuk membentuk sebuah Kerajaan. Parti pembangkang mendapat kemenangan dengan bilangan kerusi bertambah, telah merayakan kemenangan tersebut di bandar raya Kuala Lumpur sambil menghina orang Melayu.

Sikap toleransi dan persefahaman menjadi tonggak penting untuk mewujudkan dan mengekalkan perpaduan. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi melaksanakan dasar yang lebih tegas dalam memberi pendekatan dan keutamaan untuk mengekalkan perpaduan.

Setiap warganegara hendaklah menjadikan Rukun Negara sebagai teras dan landasan hidup ini kerana ianya mengandungi matlamat untuk menyemai unsur-unsur keamanan, kesetiaan kepada Raja yang pemerintah, kepatuhan kepada perlembagaan serta kesopanan dan kesusilaan. Pengajaran dari Peristiwa 13 Mei membuatkan masyarakat lebih hormat-menghormati antara satu sama lain. Tanpa nilai-nilai persefahaman, toleransi dan hormat-menghormati maka selagi itulah perasaan curiga dan syak wasangka akan wujud di kalangan setiap kaum di negara ini.




Rajah 5. 2 Media Sosial dan Perpaduan

Media sosial harus dijadikan alat untuk menyuburkan semangat perpaduan demi pembangunan negara. Masyarakat harus menyedari bahawa internet memberi input yang positif kerana ianya memudahkan untuk mendapat sumber rujukan, berita dan hiburan. Walaupun internet beroperasi di atas landasan terbuka dan tanpa kawalan ini tidak bermakna masyarakat bebas sepenuhnya di dalam kenyataan-kenyataan yang ditulis dalam internet.

Justeru itu, kerajaan harus menggunakan sepenuhnya kuasa internet untuk menyampaikan agenda kerajaan kepada masyarakat. Sebagai contoh undang-undang siber harus dikuatkuasakan supaya masyarakat tahu akan batas-batas di dalam membuat penulisan terutama di dalam blog persendirian maklumat kepada pihak awam adalah jelas dan tepat.

Media mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat. Isu-isu seperti keganasan, perlakuan seksual, masalah sosial dan konflik kaum sering kali dibangkitkan untuk menarik perhatian pembaca. Namun, isu-isu tersebut perlulah dibincangkan dalam konteks masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum agar tidak menimbulkan konflik dalam masyarakat. Semua ini perlu diimbangi dengan etika (Md Sidin Ahmad Ishak 2006).

Di dalam sistem demokrasi, peranan media sosial ini amat penting bagi menyebarkan maklumat yang cepat, tepat dan segar. Demokrasi yang diberikan terhadap media tidak harus dianggap kebebasan hakiki kerana pihak media ada tanggungjawab sosial yang harus dipikul. Pengamal media seperti wartawan, penulis dan penyunting harus memegang amanah yang cukup besar dan bertanggungjawab dalam memastikan penyebaran maklumat yang tepat dan bermanfaat.



RUJUKAN

- Amer Saifude Ghazali dan Zulkanain Abdul Rahman (2011) *Pilihan Raya Umum ke 12: Tinjauan Mengenai Corak Pengundian*. Dalam Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman dan Suffian Mansor. *Pilihan Raya Umum Malaysia ke 12, Isu dan Pola Pengundian*. hlm. 51-71. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Asean Stat (2020), Asean Statistical Yearbook. Dicapai https://www.aseanstats.org/wp-content/uploads/2020/12/ASYB_2020.pdf
- Asmah, H. O. (2013). *Kesantunan bahasa semasa berkomunikasi dalam media sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakshy, E., Rosenn, I., Marlow, C., & Adamic, L. (2012). *The role of social networks in information diffusion*. Proceedings of the 21st international conference on World Wide Web (pp. 519–528). Dicapai dari <https://dl.acm.org/citation.cfm?id=2187907>
- Brown, M. E., Treviño, L. K., & Harrison, D. A. (2005). Ethical leadership: A social learning perspective for construct development and testing. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 97(2), 117–134. <https://doi.org/10.1016/j.obhdp.2005.03.002>
- David H. (2015). "Why Are There Still So Many Jobs? The History and Future of Workplace Automation." *Journal of Economic Perspectives*, 29 (3): 3-30.
- Denzin, N. K., & Giardina, M. D. (Eds.) (2016). *Qualitative Inquiry and Global Crises*. Abingdon, UK: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315421612>
- Global Digital (2018), Dicapai dari <https://datareportal.com/reports/digital-2018-q4-global-digital-statshot>
- Harisman K . (2014) *Jurnal Ristek* 8, 217–228
- Idid, Syed & Ahmed, Ismail. (2014). Satisfaction with Democracy: Understanding Young Malaysian Voters.
- Idris Aman (2014) *Manifesto Pilihan Raya dan Prestasi Parti Politik Utama Malaysia dalam Pilihan Raya Umum Ke-13: Suatu Analisis Linguistik*. Geografia: Malaysian Journal of Society and Space. 10: 65-82.
- Ismawati, J., & Ariffin. M. Y. M. (2014). Online newspaper in Malaysia: A preliminary study. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 11(1), 83-94.
- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali (2014) *Dari Barisan ke Pakatan: Berubahnya Dinamiks Pilihan Raya Umum Kuala Lumpur 1955-2013* Geografia: Malaysian
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain (2011a) *Kajian budaya politik Melayu dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, Selangor*. *Jurnal Melayu*. (8)2011: 153-172.

- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Geografia OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 10, 28-38.
- Junaidi, A. B. (2010). Trend pengundian etnik Melayu dan Cina/Tionghoa dalam pilihan raya 2009-2011 di Malaysia. Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA) UKM.
- Junaidi, A. B., & Jali, M. F. M. (2013). Pola pengundian dalam pilihan raya kecil 2009-2011. Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA) UKM.
- M. H. I. (2018). *MEDIA DAN LITERASI POLITIK DI SABAH MENJELANG PRU-14: KAJIAN KES PARLIMEN TAWAU*. Jurnal Kinabalu, 199. <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.1649>
- M. Peiasamy (2019) Melayu Tentukan Nasib PRK DUN Semenyih. Utusan Malaysia, 8 Februari 2019.
- Markus Lim Han King (2010) MCA bukan lagi wadah orang Cina? Dlm Pemikir. Oktober-Disember. Bangi: Utusan Karya Sdn Bhd.
- McKeever, Gráinne and Royal-Dawson, Lucy and Kirk, Eleanor and McCord, John, The Snakes and Ladders of Legal Participation: Litigants in Person and the Right to a Fair Trial under Article 6 of the European Convention on Human Rights (June 8, 2022). Available at SSRN: <https://ssrn.com/abstract=4131304> or <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.4131304>
- Md. Sadin Ahmad Ishak. 2006. Etika Media. Dalam Rahman Shaari dan Mohd Hamed (eds.) *Media di Malaysia: Mendukung citra bangsa*. Siri khas sastera dan sains sosial. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Hisyham Mohd Saleh (2019) Analisis Pilihan Raya Kecil Dun 24 Semenyih. Mohd. Nasier, J., Othman, Z., Joko, E. P., & Mohd. Rudzainoor,
- Moten, Abdul Rashid (2009). 2008 General Elections in Malaysia: Democracy at Work. *Japanese Journal of Political Science* 10 (1):21-42.
- Nadia Fauzi. (2017). *Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: Suatu kebaikan atau keburukan*. Bangi: Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)
- Ratnam, Nittala V. & Spielmann, Heinz, (1970). "Factor Analysis Approach to Consumer Attitude Research," WAEA/ WFEA Conference Archive (1929-1995) 323626, Western Agricultural Economics Association.
- Rouse, Steven. (2016). Rouse, S. V. (2016). Of teacups and t-tests: Best practices in contemporary null hypothesis significance testing [Editorial]. *Psi Chi Journal of Psychological Research*, 21, 127-133. *Psi Chi Journal of Psychological Research*. 21. 127-133. 10.24839/2164-8204.JN21.2.127.
- Samsudin, M. Z. (2010). *Peace Psychology in Asia*. By Christina Jayme Montiel & Noraini M. Noor (Eds.). *Intellectual Discourse*, 18(1).

- Saufiyyan, A. (2017). *Kempen politik Trump: Strategi, taktik dan model perang saraf media*. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 31(1), 294-312.
- Sekaran, U. and Bougie, R. (2016) *Research Methods for Business: A Skill-Building Approach*. 7th Edition, Wiley & Sons, West Sussex.
- Syed Arabi Idid. (2014) *Scholarship in Transformation. Bangi: Media and Democracy Research Group, Institute of Malaysia and International Studies, The National University of Malaysia*.
- Tumasjan, A., Sprenger, T. O., Sander, P. G., & Welpe, I. M. (2012). *Predicting elections with Twitter: What 140 characters reveal about political sentiment*. Conference on Weblogs and Social Media, Menlo Park, California.
- Ufen, Andreas (2009). "The Evolution of Cleavages in the Indonesian Party System," GIGA Working Papers 74, GIGA German Institute of Global and Area Studies.
- Weiss, H.H. (2013) *The SIR model and the Foundations of Public. Materials Matemàtics*, 2013, 17 p.



LAMPIRAN

Lampiran A

Senarai Responden



Responden 1

Ahmad bin Salleh (33 Tahun)



Responden 2

Mohd Saiful bin Senapi (57 tahun)



Responden 3

Mohd Rosli bin Idris (55 tahun)



Responden 4

Mustafa bin Hussain (49 tahun)



Responden 5

Ahmad Roslan bin Zulkifli (38 tahun)



Responden 6

Mohd Malik bin Hassan (45 tahun)





Responden 7

Mohd Lokman bin Sulaiman (29 tahun)



Lampiran B
Borang Soal Selidik


A. Maklumat

Demografi Bil.

Butiran

Maklumat


- i. Nama :
- ii. Umur :
- iii. Jantina :
- iv. Tahap Pendidikan :
- v. Jenis Pekerjaan :
- vi. Pendapatan Bulanan :

- 
1. Sejauh manakah tahap literasi politik di DUN Semenyih?
 2. Apakah jenis media sosial yang memberi keperkesanan bagi parti politik dalam pilihan raya?
 3. Sejauh manakah kempen melalui media sosial dapat memberi pengaruh kepada pilihan raya?

Bil. Soalan

- i. Adakah tuan mempunyai akaun media sosial?
- ii. Adakah tuan mengenali calon dan mendapat maklumat pilihanraya melaluimedia sosial?
- iii. Bagaimana Media Sosial membantu tuan dalam membuat keputusan dalampilihanraya?

Bil. Soalan

- 
- i. Pada pendapat tuan media sosial manakah yang paling berkesan dalampilihanraya?
 - ii. Adakah media sosial mempengaruhi keputusan pilihanraya?
 - iii. Pada pendapat tuan kewujudan media social memudahkan rakyat mendapatmaklumat calon dalam pilihanraya?

Bil. Soalan

- i. Adakah tuan merasakan kempen di media social berkesan?

- ii Pada pandangan tuan sejauhmana kempen melalui media sosial memberiimpak kepada calon dalam pilihanraya



Lampiran C

Gambar Kempen di Media Sosial semasa Pilihanraya







Zakaria Haniff damamkan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih Baharu di Pusat Perjumpahan Rasmi Undi Pilihan Raya Kecil N24 Semenyih di Dewan Seri Cempaka, Kajang, malam tadi. - UTUSAN ONLINE

BADRUL HAFIZAN MAT ISA, AZMAN IBRAHIM dan AFIQ MOHD. SHAH

02 Mei 2019 9:14 PM



Headline	Sebar maklumat secara sihat dalam media sosial		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	70	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	223 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,658
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,974



Sebar maklumat secara sihat dalam media sosial

Umum tahu media sosial sudah semakin penting untuk menyebarkan maklumat dan berita, termasuklah dalam politik.

Ketika musim pilihan raya, media sosial digunakan secara meluas. Kalau dahulu parti politik hanya mengguna rumah atau rumah kecil untuk menyampaikan kepada pengundi. Kini hanya menggunakan telefon bimbit, pengguna dapat berhubung dan menerima maklumat yang disertai gambar.

Ini memudahkan urusan penyampaian dan perhubungan maklumat berkesan. Anwar dan pembantunya kini juga sudah digemakan. Inilah teknologi media yang banyak memberi kesan kepada urusan politik.

Contoh paling dekat kemunculan Barisan Nasional (BN)

di Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands.

Sungguhpun bentuk media beritanya berbeza dan jaringan jalan raya terhad, maklumat dan 'voteman politik' tetap sampai ke tangan pengundi dengan pantas.

Begitu juga di PRK Seremban yang sudah semestinya elemen media sosial digunakan meluas untuk penyebaran maklumat.

Apapun, komunikasi menyebarkan pengumuman rasmi atau di bawah, inilah saluran terbaik dalam era kemunculan media.

Beritika usulkan pengagut tidak salah menyebarkan pendapat, cadangan dan idea, namun harus mengikut etika dan saling menghormati antara satu sama lain.

Di negara kita, sensitiviti dan hormat menghormati antara

lain perlu diberi perhatian. Tidak perlu musti nak beritika atau garib menyebarkan perasaan kaum tertentu.

Agama adalah one sensitif yang perlu ditangani dengan bijak. Perbezaan kepercayaan, adat dan fahaman wajar di bina, namun konflik itu bukanlah sesuatu yang patut dibincang mengikut emosi.

Begitu akan bertanding, perlu diberi jeda pashuan dan taburan bersempit. Pihak yang mengawal media sosial menyebarkan kelebihan membentuk pengagut.

Melaka tidak perlu mengabaikan modal besar dan ini memudahkan kerja 'pemetaan politik' dibuat.

Kalau dulu media tradisional seperti televisyen, radio dan surat khabar menjadi medium penting, namun kini semuanya boleh dilakukan menggunakan

media sosial dan beritika.

Namun aktiviti ziarah rumah ke rumah untuk mengumpul petikan suara masih dilakukan. Begitu juga pengedaran rumah di pasar pagi atau di pasar malam.


Ita harus kerana akan bertanding perlu memperkenalkan diri di khalayak ramai. Jadi pengagut, inilah masa terbaik untuk kenal dengan lebih dekat calon atau wakil mereka.

Penggunaan media sosial tidak dikawal boleh mengancam keamanan dan kestabilan negara. Nasihat saya, beritika dengan sihat, beretika dan berfahaman, serta hindari sentimen pecah belah.

Zamri Sarji,

Centre for Foundation Studies (CFS) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (USAM) Kuala Lumpur





 KEPUTUSAN RASMI PILIHAN RAYA KECIL DUN N.24 SEMENYIH, SELANGOR			
NAMA CALON	PARTI	BIL UNDI	STATUS
ZAKARIA BIN HAJI HANAFI	 BN	19,780	MENANG
AIMAN ZAINALI	 PAKATAN HARAPAN	17,866	
UNCLE KENTANG	 BEBAS	725	
NIK AZIZ	 PSM	847	
JUMLAH UNDIAN OLEH PEMILIH :		39,218	
JUMLAH KERTAS UNDI DITOLAK :		650	
JUMLAH KERTAS UNDI TIDAK DIKEMBALIKAN :		50	
MAJORITI :		1,914	
PERATUS PENGUNDIAN :		73.24%	

Keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK)

N.24 SEMENYIH





Zakaria Hanafi
19,780



Muhammad Aiman Zainali
17,866



847



725



Majoriti
1,914

Peratusan keluar mengundi
73.24%

 Utusan Online
  UWorld

 Utusan Online
  Utusan Online


www.utusan.com.my



4 KATEGORI PENGUNDI POS

1A

Dalam Negara



POLIS



TENTERA



PETUGAS



MEDIA



AHLI/
PEGAWAI SPR

yang bertugas pada Hari Mengundi/ Hari Mengundi Awal

1B

Luar Negara

TikTok

@akademipilihanraya



warganegara Malaysia yang menetap
di luar negara

1C

Agenst / Organisasi



BOMBA



PVR



JABATAN
PENJARA



APMM



NADMA



IMIGRESEN



JABATAN
KESIHATAN



JPN -
UTC



APM



TNB



PENJAWAT AWAM &
PASANGAN



PELAJAR INSTITUSI
TINGGI SEPENUH MASA &
PASANGAN



4 KATEGORI PENGUNDI POS

1A

Dalam Negara



POLIS



TENTERA



PETUGAS



MEDIA



AHLI/
PEGAWAI SPR

yang bertugas pada Hari Mengundi/ Hari Mengundi Awal

1B

Luar Negara

TikTok

@akademipilihanraya



warganegara Malaysia yang menetap
di luar negara

1C

Agensi / Organisasi



BOMBA



PVR



JABATAN
PENJARA



APMM



NADMA



IMIGRESEN



JABATAN
KESIHATAN



JPN -
UTC



APM



TNB



PENJAWAT AWAM &
PASANGAN



PELAJAR INSTITUSI
TINGGI SEPENUH MASA &
PASANGAN

PTH


Luar Negara



PILIHAN RAYA KECIL SEMENYIH N24



Sumber: Jabatan Pilihan Raya
Keadilan Negeri Selangor





PURATA BULANAN PENGGUNA AKTIF INSTAGRAM BERBANDING JUMLAH POPULASI



Sumber: The Global State of Digital in 2018, Hootsuite



Universiti Utara Malaysia